

Sekata

JURNAL BAHASA & PERSURATAN 2021

JAWATANKUASA SEKATA - JURNAL BAHASA & PERSURATAN 2021

PENASIHAT

Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim

PENGURUSI

Dr Noridah Kamari

TIMBALAN PENGURUSI

Zubaidah Mohsen

KETUA EDITOR

Suratman Markasan

PANEL EDITOR

Siti Fazila Ahmad

Djohan Abdul Rahman

Farizan M. Amin

Jamal Ismail

NARA SUMBER

Prof Madya Dr Hadijah Rahmat

Prof Madya Dr Lim Beng Soon

Dr Norshahril Saat

Hak cipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Buku ini atau mana-mana bahagiannya tidak dibenarkan diterbitkan semula, ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) atau dipancar walau melalui sebarang cara sekalipun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis pihak penerbit terlebih dahulu.

Judul : Sekata: Jurnal Bahasa dan Persuratan

Format : Cetak

ISSN : 2630-4589

Direka bentuk oleh **Redbean De Pte Ltd**

Diterbitkan oleh **Majlis Bahasa Melayu Singapura**

Sekata

JURNAL BAHASA & PERSURATAN 2021



A portrait photograph of Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim. He is a middle-aged man with dark hair, wearing glasses and a blue batik shirt with a white and red pattern. He is smiling at the camera. The background is a dark teal color with a faint, stylized batik pattern.

PROF MADYA DR MUHAMMAD FAISHAL IBRAHIM

Menteri Negara, Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA)
Dan Kementerian Pembangunan Negara (MND)
Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)
Dan Penasihat Jawatankuasa Jurnal SEKATA

SEKATA DUA AWAL BICARA

Alhamdulillah. Walaupun masih berhadapan dengan pandemik Covid-19, kita mampu meneruskan kehidupan dengan membuat penyesuaian yang diperlukan. Mematuhi norma-norma baharu kian menjadi sebatи dalam usaha kita untuk mengendalikan urusan sehari-hari.

SEKATA 2021 terlahir atas usaha gigih Jawatankuasa Jurnal Bahasa dan Persuratan di tengah-tengah keadaan yang masih mencabar. Jawatankuasa yang dibentuk bagi keluaran ini memaparkan beberapa wajah baharu. Dipengerusikan oleh Dr Noridah Kamari dan dengan sokongan padu anggota-anggota mapan, SEKATA terus merakam pengilhaman karya dan cetusan idea mengenai isu-isu yang berkisar tentang bahasa, budaya dan kesusastraan Melayu.

Dengan memanfaatkan wadah teknologi, Panggilan Terbuka yang dimuat naik untuk mencungkil bakat baharu dalam bidang penulisan ilmiah berjaya menarik sebanyak 15 penyertaan. Penyertaan ini termasuklah dua makalah daripada penulis luar Singapura. Langkah ini dianggap positif dan progresif untuk meluaskan jaringan penyertaan serta meningkatkan wibawa dan pengaruh jurnal ini pada peringkat serantau.

Kita telah pun menyaksikan pengiktirafan para penulis watan yang bergiat dalam bidang persuratan Melayu semasa Majlis Anugerah Persuratan pada awal tahun ini. Selain menyemarakkan bidang penulisan kreatif, kita juga akur akan kepentingan untuk menyuburkan bidang penulisan ilmiah. Hal ini untuk mewujudkan persekitaran pengkaryaan yang lebih bertenaga dan seimbang. Oleh itu, jurnal SEKATA merupakan wahana dalam usaha berterusan kita untuk terus memancing minat penulis-penulis muda dalam bidang penulisan ilmiah. Dengan bakat yang digilap, akan terlahirlah golongan pelapis untuk meneruskan perjuangan melestarikan persuratan Melayu.

Sukacita saya maklumkan bahawa hiasan kulit jurnal SEKATA 2021 adalah ihsan Encik Sarkasi Said. Lukisan yang memaparkan ketukangan dan kesenian Melayu di Singapura sememangnya cocok untuk menampung makalah persuratan masyarakat setempat. Kedua-dua bidang lukisan dan penulisan merupakan pengkaryaan yang tinggi ciri kreativiti dan nilai estetika yang membentuk warisan kehidupan.

Semoga jurnal SEKATA 2021 mampu memperkaya bahan rujukan masyarakat serta menjadi modal berfikir untuk para pembaca sekalian.

SURATMAN MARKASAN

Ketua Editor
Jurnal SEKATA

SALAM MUHIBAH

Dengan qadak dan qadar-Nya juga, Covid-19 masih kekal menjadi ujian manusia seluruh dunia. Sebagai umat Islam yang mempercayai bahawa manusia sebagai khalifah telah ditentukan oleh Allah untuk menjadi penghuni dunia yang sentiasa diuji, maka Covid-19 ini adalah sebahagian daripada ujian-Nya yang tidak dapat dielakkan oleh kita.

Banyak sekali ayat Al-Quran yang boleh kita petik menjadi iktibar. Umpamanya Surah Al-Mulk [67:2] yang menyebut: "Yang menjadikan mati hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengampun". Ujian yang menjadi sebahagian daripada iringan hidup kita, datang dalam berbagai-bagai bentuknya. Bukan sahaja tentang 'hidup dan mati'.

Dalam surah Al-Imran [3:186] yang berbunyi: "Kamu sesungguhnya akan diuji terhadap hartamu dan dirimu. Dan (juga) kamu sungguh-sungguh akan mendengar daripada orang-orang yang diberi kitab sebelum kamu dan daripada orang-orang yang mempersekuatkan Allah, gangguan yang banyak yang menyakiti hati. Jika kamu bersabar dan bertaqwa, maka sesungguhnya yang demikian itu termasuk urusan yang patut diutamakan."

Kita sebagai khalifah-Nya tidak dapat mengelak ujian-Nya, akan tetapi kita disuruh berusaha seperti di dalam Surah An-Najm [53:39] yang menyebut: "Dan bahawa bagi manusia hanyalah apa yang diusahakan."

Lalu apa yang dilakukan oleh manusia di seluruh dunia hari ini adalah mengelak ujian tersebut dengan melakukan peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah di negara masing-masing; termasuk apa yang dilakukan oleh pemerintah negara kita Singapura sekarang, haruslah dipatuhi. Selain itu, tentulah melakukan vaksinasi terhadap penduduknya. Mudah-mudahan ujian ini akan beransur-ansur reda dan menghilang, insya-Allah.

Dalam suasana begini, Jurnal SEKATA 2021 ini dapat edarkan kepada anda dengan makalah-makalah yang menarik daripada pelbagai bidang bahasa, sastera, ilmu pengetahuan dan cabang seni lainnya. Umpamanya jika masih ada masyarakat yang masih meragukan vaksinasi 'pfizer bioNTech' dan 'moderna' akan mendapat penjelasan dengan membaca esei Dr Elly Sabrina Ismail.



Selain itu, ada beberapa eseai lain yang tercantum di dalam keluaran kali ini. Terdapat pembahasan tentang sastera yang diberikan oleh Dr Subari Sukaini berjudul "Permasalahan Sosial Dalam Cerpen Masuri Salikun, Suratman Dan Mohamed Latiff Mohamed" dan pandangan Penerima Anugerah Tun Seri Lanang 2013, Nadiputra, mengenai bangsawan.

Terdapat beberapa eseai lain mengenai pelbagai hal. Akan tetapi sebuah eseai yang dikemukakan oleh Djohan Abdul Rahman, menarik perhatian saya dan harus menjadi perhatian yang utama atau serius difikirkan oleh ahli-ahli bahasa Melayu, guru-guru bahasa Melayu, Pusat Bahasa Melayu, pemimpin-pemimpin Melayu dan khususnya orang-orang Melayu.

Ada dua perkara yang ditimbulkan oleh Djohan Abdul Rahman. Pertama, isu pokoknya adalah mengenai 'Kamus BM' Edisi Pelajar yang harus perbaik pengisianya. Demi peningkatan pengguna, hal ini harus difikirkan oleh penerbitnya. Inilah isu utama yang dikemukakan oleh penulisnya, akan tetapi isu kedua yang disentuh mengenai 'kemerosotan penggunaan Bahasa Melayu' dalam kalangan keluarga Melayu, menurut hemat saya; ialah isu yang lebih utama yang harus menjadi perhatian orang-orang Melayu.

Khabarnya, pelajar-pelajar Melayu di maktab-maktab rendah yang mengambil subjek Bahasa dan Sastera Melayu, kian kurang. Demikian pula siswa-siswi yang mengambil Pengajian Melayu di peringkat universiti kian kurang juga. Ya khabarnya begitu juga, masalah yang sama berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar Cina dan Tamil yang mengambil subjek-subjek Bahasa dan Sastera Mandarin serta Tamil di maktab-maktab rendah dan universiti.

Dalam hal ini, saya pernah berhujah; jika bahasa Melayu tidak digunakan oleh orang-orang Melayu, maka sastera Melayu akan pupus, kerana bahasa adalah ibarat kenderaan yang mengusung atau membawa sastera itu ke mana-mana. Jika tidak ada kenderaan sebagai pengusung untuk menyebar atau membawa sastera ke mana-mana, akan dengan sendirinya hilanglah sastera Melayu, sebagaimana lenyapnya sastera Sanskrit kerana tidak ada bahasa Sanskrit sebagai pengusungnya.



DR NORIDAH KAMARI

Pengerusi
Jurnal SEKATA

TINTA PENGURUSI

*Demi cinta kepada budaya
kita penatar bahasa bunda
bahasa maju budaya jaya
maruah bangsa terpelihara!*

Begitulah rangkap kedua dalam lagu "Bahasa Menjunjung Budaya" tulisan Almarhum Cikgu Muhammad Ariff Ahmad yang menggugah rasa dan fikir saya setiap kali mendengarnya. Lagu ini diangkat sebagai lagu tema Bulan Bahasa dan saban tahun dinyanyikan secara beramai-ramai sepanjang kempen tersebut.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam rangkap berkenaan, bahasa memainkan peranan yang besar dalam memelihara maruah bangsa. Melalui bahasa, kita membina identiti, menyelami sejarah, mempertahankan budaya dan mengemukakan buah fikiran. Bahasa yang indah dicurahkan dalam puisi dan lagu, sementara bahasa yang intelektual disampaikan dalam penulisan ilmiah.

Hal ini berkait dengan peranan dan tugas yang dimainkan oleh Jurnal SEKATA sebagai wadah dokumentasi buah fikiran masyarakat. Jurnal, yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1984 ini, mempunyai sejarah yang panjang dan telah merakamkan pemikiran, pandangan dan harapan masyarakat. Semoga usaha ini dapat diteruskan dalam penerbitan-penerbitan SEKATA yang akan datang.

Di sini, saya ingin merakam setinggi-tinggi terima kasih kerana diberi kepercayaan dan kesempatan untuk menggalas tanggungjawab sebagai pengurus jurnal di samping pasukan editor yang berdedikasi.


Sebagai usaha meningkatkan pengaruh jurnal ini ke tahap seterusnya, SEKATA kali ini menerima artikel daripada para penulis luar negara yang memperkatakan tentang karya-karya pengarang setempat. Langkah ini adalah di tahap percubaan dan dilihat sebagai cara untuk meluaskan rangkaian jaringan jurnal.

Sekitar bulan Mei 2021, saya bertemu Pak Sarkasi Said untuk mendapatkan lukisan bagi kulit jurnal SEKATA 2021. Sambil duduk-duduk di kawasan perumahannya, beliau berkongsi pengalaman dan nasihat dalam mengharungi dunia seni. Katanya, "Sesaat kesedaran lebih bererti daripada seumur hidup tanpa sedar."

Lalu saya fikirkan betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh semua pihak dan usaha yang digembbleng dengan kesedaran bakal melahirkan langkah-langkah yang lebih bermakna dan terarah. Jikalau Pak Sarkasi mencurahkan baktinya kepada bangsa melalui calitan warna, tugas penulis pula adalah melalui kata-kata.

Semoga usaha yang dilakukan dengan kesedaran ini menjadi sumbangan yang bererti buat masyarakat dan penatar memelihara maruah bangsa.

KEINDAHAN ALAM BEBAS PENCEMARAN




Patkala mengenangkan nasib lautan yang dicemari keindahannya, Encik Sarkasi Said terdorong untuk menghasilkan sebuah lukisan sebagai tanda penghormatan kepada alam semula jadi.

Lukisan berjudul *Marine Life* atau Kehidupan Laut dihasilkan pada tahun 2018 dan membayangkan keadaan kehidupan di dasar lautan.

"Kita tidak banyak fikirkan tentang kehidupan lautan. Cuba bayangkan kotoran dan pencemaran di dasar lautan dan bagaimana ianya menjasakan keindahan alam kita? Kalau tidak dibaiki keadaan, 50 hingga 100 tahun akan datang, keindahan ini akan pudar," luah Encik Sarkasi ketika ditemui di kawasan rumahnya.

Seniman berusia 81 tahun ini, yang menggunakan nama samaran Tzee, dikenali sebagai pelukis batik Singapura, telah meraih Pingat Budaya pada tahun 2020. Teknik lukisan yang melanggar konvensi, penggunaan warna yang garang dan pemaparan alam semula jadi menjadi ciri-ciri unik dalam karya-karya beliau.

Lukisan Kehidupan Laut menyerikan kulit jurnal SEKATA 2021 sebagai cara kami meraikan bakat dan karya seniman setempat.





+zee.

KANDUNGAN



9 Vaksin Covid-19:
Menangani Keraguan
Masyarakat Setempat

Dr Elly Sabrina Ismail



12 Kamus Bahasa Melayu
Edisi Pelajar Singapura:
Naskhah Rujukan Penting Demi
Penakatan Dan Pelestarian Bahasa
Melayu Setempat

Djohan A. Rahman



19 Drama TV:
Cerminan Realiti
Kehidupan Masyarakat

*Wan Firzaleenazrah
Wan Ahmad*



25 Al-Ahmadiyah Press: Menjejak
Sumbangan Bangsawan Riau
Di Singapura

Nur Amalina Shalan



32 Kisah Nadra Dan Annelies:
Penolakan Dimensi
Kemanusiaan Yang Angkuh

Almahera Abu Hassan



38 Menggeledah
Komik Melayu Dan
Kewujudannya Di
Singapura

*Dr Mohamed Nazreen
Shahul Hamid*



45 Citra Singapura
Dalam Lirik Lagu
Zaman 1950-An

Yazid Hussein




50 Bangsawan Kita:
Merenungkan
Perkembangan
Bangsawan Di
Singapura

Nadiputra

VAKSIN COVID-19: MENANGANI KERAGUAN MASYARAKAT SETEMPAT

DR ELLY SABRINA ISMAIL



Sudah lebih setahun, virus korona Sar-Cov-2 atau Covid-19 mencetus suatu pandemik secara global. Penularan virus ini menyebabkan krisis kesihatan, melumpuhkan ekonomi dan menghalang perjalanan manusia merentas negara.

Tiada negara yang terkecuali daripada cengkamannya, malah kadar penularannya tidak menunjukkan sebarang tanda bahawa ia akan berakhir dalam masa terdekat.

Walaupun di negara-negara yang berjaya mengawal penularannya dalam kalangan

masyarakat seperti Korea dan China, gelombang jangkitan kedua dan ketiga terjadi apabila langkah-langkah penjarakan sosial dan sekatan kuarantin dilonggarkan. Hal yang sama berlaku di Singapura.

Setelah sekian lama dapat mengelakkan jangkitan Covid-19 dalam kalangan masyarakat setempat, timbul pula beberapa kelompok baharu di Hospital Tan Tock Seng, dormitori pekerja asing Woodlands Westlite dan di terminal satu Lapangan Terbang Changi.

Sama seperti pandemik-pandemik kesihatan yang pernah berlaku sebelum ini, kunci menangani penularan ini adalah dengan melindungi mereka yang lemah dan berisiko tinggi melalui suntikan vaksin. Program suntikan vaksin nasional dijalankan secara bertahap-tahap untuk mencapai imuniti kelompok di samping usaha menguji, mengesan, mengasing dan merawat kesjangkitan dengan cepat serta berkesan.

Kadar suntikan vaksin Covid-19 yang tinggi dalam kalangan masyarakat merupakan pasport ke arah pembukaan sempadan negara dengan selamat dan pemulihan ekonomi negara.

Keraguan Terhadap Vaksin Covid-19

Pertumbuhan vaksin yang begitu cepat untuk menangani virus Sars-Cov-2 ini malangnya menimbulkan keraguan dalam kalangan masyarakat mengenai keselamatan vaksin. Ada pihak yang menyangsikan proses kelulusan vaksin; kemungkinan ada kompromi dari segi keselamatan, kualiti dan keberkesaan vaksin.

Keraguan ini bukan sahaja dalam kalangan masyarakat umum tetapi juga dalam kalangan pekerja bidang kesihatan. Menurut tinjauan yang dijalankan baru-baru ini oleh Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit di Amerika Syarikat, hanya 63 peratus pekerja kesihatan menunjukkan kesediaan untuk menerima suntikan vaksin.

Tinjauan dalam talian oleh *The Straits Times* pada bulan Disember pula menunjukkan bahawa 82 peratus daripada 1,000 orang yang bersetuju diberi vaksin dalam tempoh setahun. Sebanyak 48 peratus akan mendapatkannya secepat mungkin, 34 peratus hanya akan mendapatkan suntikan selepas 6 hingga 12 bulan,

sementara 9 peratus tidak mahu mendapatkan suntikan vaksin sama sekali.

Tinjauan global yang dijalankan pada bulan Jun 2020 dan diterbitkan di jurnal *Nature Medicine* menunjukkan hanya 68 peratus daripada 655 peserta dari Singapura bersedia menerima suntikan vaksin.

Walaupun vaksin yang disediakan di Singapura, iaitu vaksin Pfizer BioNTech dan Moderna, menunjukkan kadar keberkesaan yang tinggi hingga 94 peratus, namun masih ramai yang mengambil masa untuk mendapatkan suntikan.

Pemikiran ini tidak menghairankan kerana kadar jangkitan Covid-19 masih amat rendah di Singapura dan rakyatnya patuh pada pemakaian pelitup serta langkah-langkah penjarakan sosial. Ramai yang masih khuatir akan kesan sampingan suntikan vaksin dan mahu menunggu lebih lama sebelum membuat keputusan untuk mendapatkan suntikan vaksin Covid-19.

Berita Palsu

Penyebaran maklumat dan berita palsu di media sosial dan internet juga memainkan peranan menambah keraguan. Ada pihak yang mendakwa vaksin merupakan suatu konspirasi dan ada pula yang memberi kenyataan yang menakut-nakutkan mengenai teknologi mRNA yang diguna pakai oleh vaksin Pfizer dan Moderna.

Maklumat palsu ini menyatakan bahawa vaksin jenis mRNA berupaya menukar DNA seseorang. Ada juga yang ragu-ragu dari sudut keagamaan, sementara ada yang beranggapan bahawa vaksin ini mengandungi bahan daripada najis khinzir yang haram dimasukkan ke dalam tubuh orang Islam.

Bagi menangkis tanggapan tentang hukum agama dalam soal mengambil vaksin, Jawatankuasa Fatwa yang diketuai Mufti Negara mengeluarkan fatwa bahawa pengambilan vaksin tersebut adalah harus.

Kelulusan Vaksin

Terdapat tiga aspek utama yang membenarkan pengambilan vaksin.

Pertama, vaksin Covid-19 dianggap sebagai satu keperluan asas untuk menyelamatkan nyawa dan memastikan agar masyarakat dapat berfungsi dengan selamat dan sejahtera termasuk amalan ibadah dan keagamaan.

Kedua, vaksin Covid-19 telah diluluskan untuk kegunaan awam melalui pelbagai piawaian keselamatan perubatan yang ketat dan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa serta menepati panduan etika oleh badan-badan pemerintah.

Ketiga, penghasilan vaksin mRNA bagi Covid-19 iaitu vaksin Pfizer BioNTech adalah secara sintetik sepenuhnya dan tidak mengandungi sebarang komponen atau sel binatang.

Seperti produk farmaseutikal yang lain, vaksin merupakan produk yang sentiasa dipantau. Vaksin Covid-19 hanya diluluskan berdasarkan pematuhan piawaian ketat melalui penilaian data-data saintifik, klinikal dan teknikal.

Penciptaan Vaksin Yang Cepat

Proses mencipta vaksin selalunya memakan masa yang lama antara 10 hingga 15 tahun. Namun, vaksin Covid-19 dapat dihasilkan dalam hanya setahun selepas pandemik bermula.

China dan Rusia merupakan antara negara-negara pertama memulakan program vaksinasi untuk seluruh negara dalam masa yang singkat. Hal ini

disebabkan usaha pembangunan vaksin dimulakan secara intensif sejurus selepas kod genetik virus dikongsikan oleh penyelidik dari China pada Januari 2020.

Buat pertama kali dalam dunia, pembangunan vaksin dapat dipercepat menerusi pelaburan besar-besaran pada peringkat global oleh pelbagai pihak sama ada menerusi negara, badan dunia, syarikat farmaseutikal dan individu. Kepesatan pembangunan vaksin ini adalah hasil daripada kajian-kajian terdahulu mengenai patogen-patogen yang pernah mencetuskan pandemik, epidemik dan endemik, seperti virus-virus Nipah, SARS dan MERS.

Covid-19 telah melakar sejarah baru dalam bidang perubatan kerana melibatkan 10 kali ganda lebih ramai sukarelawan berbanding dengan pengurusan vaksin lain. Hal ini kerana mudah untuk mendapatkan sukarelawan memandangkan pandemik Covid-19 sedang berlaku serentak di seluruh dunia dan memberi ancaman global.

Berkat pelaburan kewangan global yang amat besar dan kerjasama antara negara, pelbagai jenis vaksin dicipta dan syarikat farmaseutikal berlumba-lumba untuk menghasilkan sebanyak mungkin vaksin untuk semua penduduk dunia. Namun, proses pemantauan keselamatan dan keberkesanan vaksin tetap menjadi keutamaan. Tiada jalan pintas dalam penelitian dan langkah-langkah kajian serta pembangunan vaksin yang dijalankan secara serentak dan bukan berurutan (*sequential*).

Menangani Keraguan Masyarakat

Apakah cara untuk menangkis keraguan terhadap vaksin ini agar tidak melumpuhkan usaha membanteras pandemik?

Pemerintah Singapura mengambil keputusan untuk tidak mewajibkan

suntikan vaksin Covid-19. Dari sudut sejarah, suntikan vaksin di Singapura diwajibkan hanya untuk suntikan penyakit cacar atau Smallpox (1868), Difteria (1962) dan penyakit campak atau Measles (1985). Mewajibkan suntikan vaksin tidak menjamin kadar pengambilan vaksin yang tinggi, sebagaimana yang dilihat dalam kadar pengambilan vaksin tidak wajib Hepatitis B dan polio serupa dengan kadar pengambilan vaksin wajib Difteria dan Measles.

Cara yang lebih baik adalah dengan mengakui adanya keraguan masyarakat dan menanganinya secara terbuka, menggalak komunikasi dua hala dan membina kepercayaan umum. Pemimpin-pemimpin negara dalam bidang politik, agama dan kesihatan perlu tampil untuk menggalakkan pengambilan vaksin Covid-19 sebagai suri teladan. Perdana Menteri Lee Hsien Loong, ahli-ahli kabinet Singapura, Presiden Halimah Yaacob, Mufti Negara Dr Nazirudin Mohd Nasir dan pasukan kesihatan negara muncul ke depan mengambil suntikan vaksin untuk menunjukkan bahawa ianya selamat.

Langkah memberi vaksin secara percuma kepada rakyat dan penduduk tetap Singapura juga merupakan langkah yang dialu-alukan. Proses mendapatkan vaksin perlu mudah supaya semua lapisan masyarakat memperoleh akses terhadap perlindungan. Kempen kesedaran untuk masyarakat umum dipertingkatkan untuk menangkis salah tanggapan yang sedia ada.

Semoga usaha bersama dan berterusan ini dapat membawa Singapura keluar daripada cengkaman pandemik Covid-19 dan generasi akan datang dapat mengecap sekali lagi nikmat dunia yang bebas pandemik.



DR ELLY SABRINA ISMAIL

ialah seorang doktor keluarga dan pengarah Banyan Clinic Pte Ltd serta pengasas Geng Sihat SG. Beliau juga merupakan anggota Majlis Keluarga Sepanjang Hayat (Families For Life Council), anggota Angkatan Karyawan Perubatan Islam Singapura (Muslim Healthcare Professionals Association) dan pengarah Madison Academy of Music. Pada tahun 2014, Dr Elly dilantik sebagai Duta Bahasa.



KAMUS BAHASA MELAYU EDISI PELAJAR SINGAPURA: NASKHAH RUJUKAN PENTING DEMI PENAKATAN DAN PELESTARIAN BAHASA MELAYU SETEMPAT

DJOHAN A. RAHMAN

Penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan pelajar di Singapura menampakkan trend yang semakin menurun. Dengan semakin meluasnya tanggapan bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai nilai komersial dalam dunia yang berkembang maju, fokus pembelajaran bahasa tertumpu pada pemerksaan bahasa Inggeris dan hal ini sekali gus menganaktirikan pembelajaran serta penggunaan bahasa Melayu di Singapura dewasa ini.

Tinjauan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan keluarga Melayu di rumah masing-masing semakin menjunam; ke paras 10.7% pada tahun 2015, berbanding 12.2% pada tahun 2010 dan 13.25% pada tahun 2005 (Pearl Lee, *Straits Times*, 2016).

Namun, terdapat usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Singapura dan badan-badan bahasa setempat untuk membaik pulih trend sebegini agar tidak berlanjut. Rombakan pada kurikulum Bahasa Ibunda dan aktiviti-aktiviti kebahasaan kian rancak dijalankan; usaha sebegini khususnya tertumpu pada golongan pelajar supaya minat terhadap pembelajaran serta penggunaan bahasa Melayu dapat disemai pada usia yang awal.

Salah satu bentuk sokongan yang penting dalam penyemaian minat ini merupakan kewujudan kamus yang dapat membantu menyemarakkan lagi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

Kamus Yang Efektif

Kamus merupakan sumber rujuk yang penting dari sudut semantik dan sintaksis, di samping menjadi sumber pendokumentasian rasmi tentang perkembangan bahasa Melayu dari semasa ke semasa.

Di Singapura, kamus sering kali digunakan oleh para pelajar untuk mencari makna perkataan, ketepatan ejaan serta dijadikan sumber rujuk tentang penggunaan satu-satu perkataan itu dalam bentuk ayat mahupun penggunaannya dalam peribahasa. Malangnya, kamus yang sering kali dijadikan sumber rujuk di Singapura ini mempunyai beberapa isu yang menjadikan keberkesanannya penggunaan bahasa Melayu itu sendiri dalam kalangan pelajar.

Dalam satu tinjauan rambang yang dijalankan pada tahun 2017, maklum balas daripada para guru yang terlibat dalam pertandingan tahunan Sahibba¹ peringkat kebangsaan - Piala Cendekia Sahibba - mendapati 87% atau 75 guru daripada jumlah keseluruhan 86 guru berpendapat bahawa kamus yang sedia ada boleh diperbaiki demi memanfaatkan penggunaannya dalam kalangan pelajar.

Guru-guru ini memaklumkan bahawa para pelajar sering kali berdepan dengan pelbagai masalah kebahasaan, kekeliruan menggunakan perkataan yang ada dalam kamus, masalah menghubungkan kait penggunaan bahasa dalam konteks semasa dan penerangan makna yang tidak bertepatan dengan penggunaan bahasa Melayu di Singapura. Namun, mereka akur bahawa usaha untuk mengatasi masalah ini sukar untuk diatasi kerana penyelesaiannya berada di luar bidang kuasa mereka.

Oleh yang demikian, eseini akan mengetengahkan isu-isu yang berbangkit akibat daripada ketiadaan sebuah kamus bahasa Melayu yang lebih efektif kegunaannya bagi penutur jati bahasa Melayu di Singapura. Esei ini akan menyerlahkan isu-isu yang dimaksudkan, mengetengahkan saranansaranan serta memaklumkan cabaran yang bakal dihadapi demi penakatan serta pelestarian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Singapura.

Kamus Yang Bersifat Deskriptif

Kamus yang sedia ada bersifat deskriptif dan berfungsi dengan memberi makna pada senarai perkataan tanpa mengambil kira faktor-faktor penggunaannya dalam ruang lingkup pembelajaran. Kamus yang dimaksudkan telah memasukkan perkataan-perkataan yang berada di dalam subkategori ‘bahasa percakapan’.

Bahasa lisan atau bahasa percakapan ini merupakan bahasa yang digunakan dalam perbualan dan bersifat tidak formal (bukan bahasa baku). Maka, penggunaan bahasa yang tidak baku dalam penulisan akademik (penulisan formal), atau sewaktu menjawab kertas peperiksaan yang bersifat kebahasaan akan mencelarukan struktur ayat yang ingin dibina oleh para pelajar.

Selaku pengamat bahasa, kita harus akur bahawa golongan pelajar hanya diberi keizinan untuk membawa masuk kamus-kamus sebegini ke dalam dewan peperiksaan sebagai sumber rujukan. Dengan adanya kamus yang bersifat deskriptif, peranannya lebih berpaksi kepada memberi pencerahan atau penjelasan semata, tanpa mengambil kira kesesuaian penggunaan perkataan itu dalam konteks formal. Maka akan timbulah kekeliruan bagi golongan pelajar sama ada satu-satu perkataan itu boleh digunakan dalam penulisan formal. Antara perkataan yang berada di dalam subkategori bahasa percakapan yang boleh ditemui di dalam kamus dewasa ini termasuklah:

- a. Produser;
- b. Asisten;
- c. Jentelmen;
- d. Skil; dan
- e. Ofis.

Perkataan-perkataan yang tersenarai di atas merupakan contoh beberapa perkataan yang tidak baku dan penggunaannya di dalam penulisan akademik atau dalam konteks formal adalah salah dari sudut nahu. Maka, dengan menyenaraikan kata-kata sebegini di dalam kamus, kekeliruan akan berlaku, sama ada penggunaannya boleh diterima atau sebaliknya. Malah, sebuah stesen penyiaran setempat pun terkeliru kerana memilih untuk menggunakan perkataan-perkataan ini atas alasan perkataan-perkataan tersebut wujud di dalam kamus.

Oleh sebab itu, usaha untuk melestarikan penggunaan bahasa yang baik akan terhambat apabila pelajar merujuk pada kamus yang menjadi sumber rujukan yang diluluskan kementerian pendidikan setempat namun di dalam sumber itu sendiri terdapat isu-isu yang mengelirukan.

Penggunaan Kata Dalam Contoh Ayat Yang Kurang Relevan

Kamus yang baik harus mampu memberi penjelasan dan pencerahan pada penggunaan perkataan itu dengan memberi contoh ayat yang sesuai pada konteksnya. Dalam memberi penjelasan makna tentang satu-satu perkataan, penjelasan itu tidak boleh mempunyai ketaksaan atau meminta khalayak pembaca yang merujuk pada makna perkataan itu (dalam konteks ini: golongan pelajar) mencari makna di sebalik penjelasan yang diberikan.

Sebaiknya, keberkesanannya fungsi kamus itu perlu menampakkan usaha untuk mengemukakan contoh-contoh yang autentik, relevan dan mudah difahami. Buat masa ini, kebanyakan contoh yang bertujuan untuk memberi penerangan dalam penggunaan perkataan di dalam sesebuah contoh ayat diambil secara langsung daripada

hikayat-hikayat lama atau *Sulalatus Salatin*. Terdapat juga contoh-contoh ayat yang memerlukan pelajar membuat pencarian lanjutan kerana perkataan yang digunakan dalam ayat penjelasan itu sendiri sukar difahami.

Pendekatan sebegini sering kali memberi gambaran yang kurang jelas pada penggunaan kata-kata tersebut kerana pelajar perlu melakukan inferensi untuk benar-benar memahami konteks ayat tersebut. Terdapat kemungkinan juga bahawa pelajar perlu mencari makna perkataan yang ada di dalam contoh ayat itu dan setelah pelajar mengetahui makna perkataan itu, pelajar perlu melihat semula ayat contoh yang diberi pada awalnya.

Berikut ialah beberapa contoh yang dimaksudkan. Contoh-contoh ayat penjelasan ini terdapat di dalam *Kamus Dewan* (Edisi keempat, 2005) yang dijadikan rujukan golongan pelajar kini:

Contoh A - Meredah: menempuh, mengharung

Contoh ayat: Perempuan ini meredah jalan raya berpuluhan batu dengan hanya menunggang sebuah basikal.

Contoh B - Menusukkan: menikamkan

Contoh ayat: Secepat kilat pungut itu ditusukannya ke muka Pandekah.

Contoh C - Menyelinap: menyembunyikan diri

Contoh ayat: Berangkatlah Raja Maulana ke muara dengan sembunyi-sembunyi menyelinap-nyelinap dalam gelap gelita.

Contoh D – Tubir: Tepi sesuatu

Contoh ayat: Ia meletakkan punggungnya di tubir ambin.

Contoh E – Panja: mengarak panja

Contoh ayat: Mengarak jari-jari tangan (daripada gangsa) yang dihiasi dengan bunga-bungaan di atas tabut (perarakan Hasan Husain).

Merujuk kepada bentuk penjelasan yang diberi, terdapat beberapa isu yang berbangkit akibat daripada ayat penjelasan yang terhasil.

Contoh A - Meredah: menempuh, mengharung

Contoh ayat: Perempuan ini meredah jalan raya berpuluhan batu dengan hanya menunggang sebuah basikal.

Pelajar yang kurang mahir dalam Matematik atau kurang peka dengan sistem ukuran jarak yang menggunakan sistem ukuran batu, perlu mendapat kepastian yang sebenar akan makna batu dalam konteks ayat ini. Sebaiknya, penjelasan maksud melalui ayat penjelasan yang terhasil tidak patut menguji pelajar tentang pengetahuannya dalam mata pelajaran lain (dalam hal ini Matematik). Sebaiknya, kamus tersebut harus memberi penerangan yang jelas dan tuntas.

Contoh B - Menusukkan: menikamkan

Contoh ayat: Secepat kilat pungut itu ditusukannya ke muka Pandekah.

Pertama sekali, secepat kilat menampakkan penggunaan kata perbandingan metafora yang menjelaskan ketangkasan. Penggunaan kata perbandingan sebaiknya tidak digunakan dalam usaha untuk menjelaskan satu-satu perkataan. Juga, pelajar sekolah rendah atau pelajar yang tidak didedahkan kepada watak ‘Pandekah’ dalam kesusastraan lama tidak akan mendapat gambaran ayat tersebut dengan baik. Adakah Pandekah itu watak atau Kata Nama Khas bagi sesebuah kawasan? Adakah pungut itu benar-benar terkena muka seseorang, atau muka itu sebenarnya menggunakan kependekan kata ‘permukaan’ bagi menjelaskan aksi bertarungan dalam sebuah hikayat? Apabila terdapat pelbagai kemungkinan, maka ayat yang terhasil tidak dapat memberi pencerahan yang diingini.



Contoh C - Menyelinap: menyembunyikan diri

Contoh ayat: Berangkatlah Raja Maulana ke muara dengan sembuni-semبuni menyelinap-nyelinap dalam gelap gelita.

Dalam konteks kehidupan pelajar setempat, terdapat kemungkinan bahawa ramai pelajar yang kurang pasti akan makna ‘muara’. Maka untuk memahami ayat yang terbina, pelajar perlu merujuk makna ‘muara’ terlebih dahulu. Apabila mereka sudah mengenal pasti akan maksud perkataan ‘muara’, mereka perlu kembali ke ayat penjelasan asal untuk memahami makna perkataan ‘menyelinap’ dalam konteks contoh ayat yang diberi. Hal ini menambah satu lagi proses rujukan dalam usaha pelajar untuk mendalami pemahamannya dalam bahasa Melayu. Sekiranya hal ini berlanjutan pada perkataan-perkataan lain yang ingin dirujuk, pelajar akan berasa tidak teruja untuk memperkasa pengetahuan mereka dalam bahasa Melayu.

Contoh D – Tubir: Tepi sesuatu

Contoh ayat: la meletakkan punggungnya di tubir ambin.

Melihat pada contoh ayat penjelasan yang diberi, berkemungkinan besar pelajar harus merujuk makna bagi perkataan ‘ambin’. Namun, makna ambin yang terdapat dalam kamus yang sedia ada ialah ‘kain untuk menggendong barang atau mengikat anak yang digendong’ dan bukan ‘low platform for sitting’ sebagaimana yang boleh dijumpai di dalam Kamus Penterjemahan Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris. Sekiranya kain gendongan itu yang dimaksudkan di sini, penggunaan istilah ambin dalam menjelaskan makna tubir penuh dengan ketaksaan.

Contoh E – Panja: mengarak panja

Contoh ayat: Mengarak jari-jari tangan (daripada gangsa) yang dihiasi dengan bunga-bungaan di atas tabut (perarakan Hasan Husain).

Ayat yang ingin menjelaskan perkataan panja ini amat rumit difahami sekiranya diteliti keseluruhan struktur inti pati ayat secara menyeluruh. Pelajar perlu memahami konsep ‘mengarak jari-jari tangan’, makna bagi perkataan ‘tabut’ (sejenis peti), dan latar belakang bagi ‘perarakan Hasan Husain’.

Beberapa Contoh Penggunaan Kata/Istilah Yang Terlalu Asing Dalam Kalangan Penutur Jati Singapura

Kamus yang ada kini telah memuatkan senarai perkataan, yang biarpun berasal daripada rumpun Melayu, penggunaannya amat terbatas dalam kalangan pengguna jati di Singapura, lebih-lebih lagi daripada golongan pelajar. Antara perkataan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Ajrih	- hormat (Jawa)
Balok	- huruf tulisan (Indonesia-Belanda)
Catak	- pikat (Jawa)
Cenua	- tangkal (Kelantan)
Coriang	- belang harimau (Kedah)
Dergama	- fitnah (Jawa)
Eyang	- datuk, nenek (Jawa)
FELDA	- akronim bagi Federal Land Development Authority
Gerek	- basikal (Kedah)
Hangpa	- hang apa, awak (Kedah)
Ijo	- hijau (Jawa)
Jae/jahe	- halia (Indonesia)
Keter	- kerinting sedikit (Terengganu)
Letai	- letih, lesu (Minangkabau)
Mea	- berasa pening (Perlis)
Murih	- marah, meradang (Kelantan)
Nyerama	- berebut-rebut (Kedah)
Oyod	- akar (Jawa)
Pridato	- pidato (Indonesia)
Puyeng	- pening (Kakarta)
Rijil	- nyata, sungguh (Indonesia-Belanda)
Suli	- cucu (Sunda)
Tan	- kandang (Kedah, Penang)

Udah	- sudah (Jakarta)
Vonis	- hukuman, keputusan (hakim) (Indonesia-Belanda)
Wani	- berani (Jawa)
Yu	- kakak (Jawa)

Kamus yang berbentuk deskriptif sekadar menyenaraikan sahaja makna bagi perkataan-perkataan sebegini, tanpa mengambil kira nilai fungsional dalam penggunaan perkataan itu berdasarkan konteks semasa. Dikhawatir juga penggunaan perkataan-perkataan yang asing atau jarang digunakan ini hanya akan mengelirukan boleh atau tidak penggunaannya diguna pakai dalam konteks penulisan di institusi-institusi pendidikan. Senarai perkataan ini juga mungkin akan menghambat minat pelajar untuk memperkasakan atas penggunaan bahasa Melayu mereka.



Pengistilahan Baharu yang Menggantikan Pengistilahan Yang Sedia Ada

Kamus yang sedia ada juga telah menyenaraikan perkataan-perkataan yang merupakan pengistilahan baharu dan dinaik taraf menjadi bahasa yang baku dan diterima dalam perbendaharaan bahasa Melayu, biarpun terdapat istilah yang sudah lama wujud dan menerangkan makna yang serupa. Antara perkataan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Joging (berlari-lari anak)
Wayarles (tanpa wayar)
Snek (makanan ringan)

Perkataan ‘berjoging’, ‘wayarles’ dan ‘snek’ diambil secara langsung daripada bahasa Inggeris dengan menggunakan pendekatan onomatopeia. Walaupun pendekatan ini sudah berlaku sedari dahulu, seperti dalam pembentukan kata gong, gagak, kuak dan sebagainya, namun pembentukan kata-kata tersebut berhasil kerana tidak ada sebarang istilah sebelum terlahirnya kata itu. Hal ini berbeza dengan ‘joging’, ‘wayarles’ dan ‘snek’ yang sudahpun mempunyai istilah yang sedia ada – ‘berlari-lari anak’, ‘tanpa wayar’ dan ‘makanan ringan’.

Biarpun ‘berjoging’ mudah difahami dan mungkin diserap masuk atas sifat kedinamikan bahasa Melayu itu sendiri, penggunaan istilah ‘berlari-lari anak’ menerangkan nilai kehidupan yang lebih mendalam. Penggunaan istilah ‘anak’ itu menggambarkan sesuatu yang sedia ada tetapi berkurangan saiz atau impaknya. Sebagaimana anak kunci menerangkan saiz kunci yang lebih kecil, begitu juga anak tangga, anak bukit, anak patung, anak syarikat, anak panah, dan sebagainya. Manakala istilah anak angin membawa maksud angin yang lembut dan tidak begitu kencang tiupannya, selari dengan makna berlari-lari anak, iaitu bukan satu aksi

pecut. Dengan memasukkan perkataan berjoging, maka kuranglah satu peluang untuk menerapkan keindahan bahasa Melayu dalam menggambarkan sesuatu dengan menerapkan falsafah di sebalik perkataan ‘anak’.

Begitu juga dengan perkataan wayarles (*wireless*). Penggunaan ini akan membuka ruang untuk para pelajar menggunakan istilah baharu seperti nafasles – kekurangan nafas (*breathless*), gigiles (*toothless*), zuriates (*childless*) dan lain-lain lagi.

Penggunaan snek juga menampakkan penerimaan istilah yang mudah, tanpa mengambil kira makna ‘ringan’ yang ingin dikaitkan dalam istilah bahasa Melayu, seperti yang terdapat dalam istilah ‘minuman ringan’.

Sebagaimana yang dimaklumkan pada awalnya tadi, saranan supaya diterbitkan sebuah kamus yang bersifat preskriptif dan menyokong perkembangan serta penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Singapura amat mendesak. Setelah meneliti isu-isu yang diserahkan di atas, ingin disarankan langkah-langkah berikut agar dapat diatasi suasana yang sedia ada.

Menghasilkan Kamus Yang Bersifat Preskriptif

Kamus yang bersifat preskriptif akan mengetepikan sebarang isu yang menyimpang daripada objektif asal penerbitan sesebuah kamus demi memastikan kamus itu berfungsi sebagai naskhah rasmi yang menyokong pembelajaran serta penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Singapura. Fokus kepada pelajar di Singapura itu harus sentiasa menjadi tumpuan pokok. Kamus tidak harus bersifat sebagai sebuah dokumen yang mendokumentasikan makna bagi bahasa serumpun. Sebaliknya, kamus ini menjadi sumber rujuk yang jelas, tuntas dan membantu dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Memberi Contoh Ayat Penjelasan Yang Mudah Diamati Pelajar Setempat

Merujuk pada contoh-contoh yang telah ditukil pada bahagian sebelumnya, penghasilan contoh ayat penjelasan sebaiknya mampu memberi makna dan/atau gambaran yang jelas tanpa memerlukan pelajar menambah proses pencarian makna untuk memahami contoh ayat penjelasan yang terhasil. Berikut merupakan contoh-contoh ayat penjelasan bagi menjelaskan makna perkataan-perkataan yang ingin dirujuk.

Contoh A - Meredah: menempuh, mengharung

Ayat asal: Perempuan ini meredah jalan raya berpuluhan batu dengan hanya menunggang sebuah basikal.

Ayat saranan: Wanita itu meredah kawasan hutan tanpa memakai kasut.

Contoh B - Menusukkan: menikamkan

Ayat asal: Secepat kilat pungut itu ditusukannya ke muka Pandekah.

Ayat saranan: Mangsa telah menusukkan kayu itu ke dalam perut harimau yang ingin menyerangnya.

Contoh C - Menyelinap: menyembunyikan diri

Ayat asal: Berangkatlah Raja Maulana ke muara dengan sembuni-sembuni menyelinap-nyelinap dalam gelap gelita.

Ayat saranan: Tikus itu menyelinap masuk ke dalam semak untuk melarikan diri.

Contoh D – Tubir: Tepi sesuatu

Ayat asal: Ia meletakkan punggungnya di tubir ambin.

Ayat saranan: Ahmad meletakkan pasu itu di tubir pintu.

Meneruskan Usaha Memasukkan Pengistilahan Baharu Yang Belum Ditemui Sebelum Ini

Bahasa yang hidup merupakan bahasa yang tidak meminggirkan sifatnya dengan perkembangan dunia luar. Kedinamikan ini harus diterapkan dalam penghasilan kamus yang dimaksudkan, sekiranya tiada istilah asal yang wujud sebelum istilah itu diterbitkan. Antara perkataan yang termasuk dalam golongan ini ialah:

- f. Swafoto;
- g. Tunafoto;
- h. Pempengaruh;
- i. Sesawang; dan
- j. Pemacu Kilat.

Perkataan-perkataan sebegini akan mengayakan lagi perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu, sekali gus membuat bahasa ini kekal relevan pada konteks semasa.

Gendala dalam Penghasilan Kamus Yang Bersifat Preskriptif

Namun, dalam merealisasikan ajuan yang disarankan, proses penerbitan kamus preskriptif untuk pelajar ini bakal berdepan dengan beberapa gendala. Hal ini tidak dapat dielakkan memandangkan penerbitan sebegini berskala besar. Berikut merupakan gendala-gendala yang dimaksudkan.

Pendanaan

Kos untuk menerbitkan kamus ini agak tinggi memandangkan khalayak tumpuannya agak kecil dan matlamat penerbitan ini adalah sebagai bahan rujukan semata. Berkemungkinan, hanya 500 naskhah yang akan dicetak untuk diedarkan ke sekolah-sekolah. Selainnya, kamus ini akan dimuat naik salinan lembutnya supaya ia boleh dirujuk di alam maya. Maka,

dengan jumlah pencetakan yang kecil, pastinya kos penerbitan akan melonjak. Ditambah pula dengan kos menjadikan kamus ini sebagai satu aplikasi digital. Hal ini memerlukan dana tambahan.

Biarpun sedemikian, terdapat badan-badan pemerintah yang boleh menampung pembiayaan projek ini. Oleh sebab itu, permohonan untuk mendapatkan pendanaan harus dilakukan kerana tanpa sokongan pendanaan ini, sukar untuk memastikan kamus ini dapat diterbitkan.

Masa Dan Tenaga

Dianggarkan projek ini bakal mengambil masa antara tiga hingga lima tahun memandangkan penghasilannya melibatkan golongan sukarela yang kebanyakannya terdiri daripada guru-guru. Sejauh ini, sudah terdapat segolongan guru yang menampakkan minat untuk turut serta. Namun, bilangan guru yang terlibat itu perlu ramai dan kekal konsisten agar jadual masa yang ditetapkan kelak dapat dijalankan dengan berkesan.

Perbezaan Perspektif

Perbezaan perspektif merupakan gendala yang terbesar kerana pemilihan kata itu kelak harus bersifat kolektif dan dipersetujui para anggota pentadbir yang terlibat. Sekiranya perkataan yang berasal daripada rumpun asing tidak mahu disertakan, terdapat juga beberapa perkataan bahasa Arab yang sudah mantap diterima pakai dalam perbendaharaan bahasa Melayu, seperti 'qada', 'syumul' dan 'fardu'. Perihal agama dan budaya tidak dapat dipisahkan pada konteks dunia hari ini. Selain daripada bahasa Arab, begitu juga dengan bahasa Cina yang ada diterima dalam perbendaharaan bahasa Melayu seperti 'kuetiau' dan 'cincau'. Maka gendala ini perlu dibentang dan ditelaah sekemas mungkin demi kemaslahatan pelajar.

Pengemaskinian Yang Berterusan

Dengan mendaftarkan kamus ini ke dalam dunia digital, pelestariannya perlu dilakarkan agar ia bukan bersifat melepaskan batuk di tangga. Berkemungkinan, para guru yang terlibat perlu melakukan tugas serta tanggungjawab yang lain selepas kamus ini berjaya disempurnakan. Mendapatkan tenaga untuk sentiasa mengemas kini entri terkini untuk menjelaskan perkembangan makna perkataan yang mutakhir itu perlu diselenggarakan. Memandangkan hal ini berpaksi pada minat, maka mencari individu yang ingin tampil ke hadapan untuk menyelenggarakan kamus alam digital ini perlu dirancang dan ditetapkan pada tahap awal lagi.

Penutup

Memang tidak dapat dinafikan bahawa golongan pelajar Melayu di Singapura benar-benar memerlukan kamus yang bersifat preskriptif supaya proses pembelajaran dan penyemaian rasa cinta terhadap bahasa Melayu dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Dengan memberi tumpuan penuh pada matlamat ini, kita perlu mengetepikan isu-isu sentimen. Usaha ini harus bersifat objektif kerana tujuan asalnya adalah untuk memberi sokongan kebahasaan kepada para pelajar di Singapura, serta dijadikan sumber rujuk standard untuk guru dan pelajar di peringkat sekolah khususnya, dan diguna pakai masyarakat setempat amnya.

Ingin ditekankan di sini bahawa usaha ini bukan bertujuan untuk memperlekehkan atau memperkotak-

katikkan sebarang kamus yang sudah ada di pasaran. Sebaliknya, tujuannya adalah untuk menjaga kemaslahatan penutur jati di Singapura, khususnya golongan pelajar. Jika dipantau kamus-kamus bahasa Inggeris yang terdapat di pasaran, terdapat Kamus Oxford yang dihasilkan di United Kingdom, dan Kamus Webster yang dihasilkan di Amerika Syarikat. Walaupun terdapat kesamaan, namun dari konteks penggunaan, terdapat juga perbezaan berdasarkan penggunaannya pada konteks masyarakat setempat. Penghasilan kedua-dua kamus itu mengayakan lagi landskap kebahasaan yang sedia ada.

Jika memandang ke hadapan, usaha menghasilkan kamus bersifat preskriptif ini sebenarnya akan mengayakan lagi penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat di Singapura, dan pada masa yang sama membuka jendela kepada masyarakat di luar Singapura untuk melihat penggunaan bahasa Melayu yang standard dan dijadikan rujukan di Singapura.

Akhir kalam, proses penerbitan kamus ini perlu juga memberi ruang untuk menggabungkan usaha para pakar bahasa, pakar budaya, pakar sastera, pakar agama dan golongan pakar dalam bidang-bidang profesional yang lain. Semoga dengan merealisasikan usaha ini, perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu di Singapura akan kekal relevan dan mampu bergerak seiringan dengan peredaran masa.

Nota: Artikel ini mengetengahkan pendapat peribadi penulis dan tidak mewakili pegangan Kementerian Pendidikan Singapura.

Rujukan

General Household Survey. 2015. Singapura: Department of Statistics.

Kamus Dewan. 2005. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lee, Pearl. 2016. English most common home language in Singapore, bilingualism also up: Government survey. *Straits Times*, 10 Mac.



CIKGU DJOHAN ABDUL RAHMAN

menamatkan pengajiannya di Institut Pendidikan Nasional (NIE) pada tahun 2002. Beliau kemudian ditempatkan untuk mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Woodgrove. Pada tahun 2004-2007, beliau melanjutkan pengajiannya di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM). Di UM, beliau dinobat sebagai pelajar terbaik kohort 2004-2007 dan memenangi Anugerah Buku 2007 serta Anugerah Pingat Emas daripada Persatuan Guru-guru Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2017, beliau meraih Anugerah Presiden Kategori Guru dan Anugerah Guru Arif Budiman (Guru Teladan).

¹ Piala Cendekia Sahibba ialah pertandingan Sahibba yang dijalankan di peringkat kebangsaan. Dimulakan pada tahun 2011, pertandingan ini dibahagikan kepada kategori sekolah rendah, sekolah menengah, maktab rendah dan kategori guru.

DRAMA TV: CERMINAN REALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT

WAN FIRZALEENAZRAH WAN AHMAD





Foto ihsan penulis.



Drama Televisyen Dan Realiti Kehidupan

Penulisan skrip televisyen melibatkan penceritaan yang menggunakan wadah visual. Maka, tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa skrip TV boleh diangkat sebagai karya sastera yang kontemporari. Di Singapura, rancangan televisyen dilancarkan pada tahun 1963 yang kemudian diselenggarakan stesen penyiaran Radio & TV Singapura yang ditubuhkan pada tahun yang sama (Yeo, 2019:20).

Pelancaran ini telah menimbulkan keterujaan masyarakat setempat kerana televisyen dapat memberi akses kepada hiburan dalam keselesaan ruang tamu. Tambahan itu, ia merupakan medium syot dekat yang membuat penonton berasa lebih rapat dengan visual yang ditonton. Kesan pandang dan dengar ini bukan sahaja menghiburkan, malah ia juga memberi impak dan pengaruh yang besar. Frederick Shook menyentuh tentang pengaruh penceritaan ini. Menurutnya:

"Visual storytelling is thus among the the most experiential forms of news communication, and in experienced hands it can be one of the most compelling forms of the storytelling art."

(Shook, 2000:1)

Menurut Wilma De Jong pula, antara kesan menonton televisyen adalah menyampaikan dengan cara yang menarik dan menghiburkan.

"Factual entertainment programmes ... can be appreciated for informing audiences in an entertaining and engaging way."

(De Jong, 2012:4)

Oleh yang demikian, esei ini akan meneliti hubungan drama TV yang mencerminkan realiti kehidupan masyarakat Melayu Singapura melalui penelitian tiga buah siri drama Melayu, iaitu *Rahsia Perkahwinan*, *Anak Metropolitan* dan *Abang Teksi*. Ketiga-tiga siri drama ini diterbitkan Mediacorp Eaglevision dan telah disiarkan di saluran Suria. Saluran Suria dilancarkan pada 30 Januari 2000 dan merupakan saluran perdana yang menayangkan rancangan-rancangan dalam bahasa Melayu. Walaupun ketiga-tiga siri drama ini disiarkan pada era yang berbeza, paparan ini akan menyerlahkan hakikat bahawa drama TV sememangnya memaparkan *weltanschauung* atau pandangan dunia orang Melayu di Singapura.

Menyelami Rahsia Perkahwinan

Rahsia Perkahwinan mengisahkan perhubungan suami isteri pada fasa-fasa perkahwinan yang berbeza. Kedua-dua musim siri drama ini mengetengahkan isu yang berencam. Siri pertama *Rahsia Perkahwinan* disiarkan pada tahun 2003.

Siri ini mengisahkan rumah tangga Imran dan Rosita, yang dilakonkan oleh Khairudin Samsudin dan Sharon Ismail. Kehidupan sehari-hari mereka berselirat dengan salah sangka, tentang kecurangan dan juga mengejar kebendaan akibat tekanan daripada teman-teman.

Konflik hubungan pasangan matang, Farid dan Maznah, yang dilakonkan oleh Allahyarham S Effendy dan Jainon Pari, berakhir dengan penceraian apabila Maznah mendapat tahu tentang hubungan Farid dengan seorang wanita Batam. Keretakan ini diburukkan lagi dengan amarah Farid yang meluap-luap akibat omelan tanpa henti daripada isterinya.

Musim kedua *Rahsia Perkahwinan* menyusul dengan barisan pelakon dan kisah yang berbeza. Siri drama, yang diterbitkan pada tahun 2007 ini, menyelongkar tentang hubungan dingin pasangan matang, Elias dan Norain, lakonan Abdullah Ahmad dan Rahimah Yusoff.

Keyakinan Norain diasak apabila dia tidak dapat memenuhi tuntutan batin suaminya. Norain juga mendapat tahu bahawa Elias telah menjalinkan hubungan dengan wanita yang jauh lebih muda daripadanya. Keyakinan terhadap perkahwinan dan kewanitaannya menjadi goyah sehingga dia menanggalkan hijabnya. Anak lelakinya pula, Iskandar, berdepan dengan konflik hubungannya dengan Emelina, seorang ibu tunggal yang lebih berumur. Pada masa yang sama, Emelina juga menghadapi cabaran menangani masalah bekas suaminya.

Siri ini benar-benar memaparkan keadaan semasa. Idea untuk *Rahsia Perkahwinan* tercetus daripada trend perceraian dalam kalangan masyarakat Melayu/Islam di sini. Kes perceraian pasangan Melayu/Islam agak stabil pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an. Namun, kes perceraian meningkat secara beransur-ansur sepanjang tiga dekad selepas itu.

Perceraian pasangan Melayu/Islam pada ketika itu lebih tinggi dibandingkan dengan pasangan bukan Islam. (Dommaraju & Jone, 2011:12). Isu perceraian terus menjadi kebimbangan para pemimpin Singapura kerana kadarnya meningkat sebanyak dua kali ganda pada tahun 1985 hingga 2005. Sebanyak 27 peratus daripada perceraian pada tahun 2005 adalah daripada masyarakat Melayu/Islam (Rafiz Hapipi, 2006:1).

Isu curang dan perkahwinan semula diadun dalam penceritaan siri drama ini sejajar dengan statistik yang didapati. Trend curang sebagai sebab utama perceraian meningkat daripada 7 peratus pada tahun 1999 naik ke 21 peratus pada tahun 2009 (Dommaraju & Jone, 2011:12). Perkahwinan semula juga lebih sering berlaku dalam kalangan pasangan Melayu/Islam, iaitu sebanyak 35.3 peratus pada tahun 2006.

Pemaparan kes perceraian pasangan separuh umur mungkin

belum begitu membimbingkan ketika *Rahsia Perkahwinan 1* disiarkan pada tahun 2003. Namun, ia merupakan jangkaan ke hadapan pihak penerbitan yang meramalkan isu ini antara yang terpenting dalam permasalahan perkahwinan. Ramalan ini ternyata benar dengan trend yang semakin meningkat, terutama sekali dalam kalangan pasangan separuh umur - antara 55 hingga 59 tahun - mencatatkan 135 perceraian pada tahun 2008 (Ummu Rabbisyfina Abdul Hamid, 2018).

Pemaparan isu-isu dalam perkahwinan dan perceraian melalui siri *Rahsia Perkahwinan* adalah untuk memberikan pendedahan kepada penonton tentang kesan permasalahan ini dalam unit keluarga. Siri ini memaparkan kerapuhan dan keruntuhan institusi kekeluargaan Melayu/Islam dewasa itu, dan sejauh mana perkahwinan serta pembangunan anak-anak terjejas ekoran daripada keruntuhan itu.

Konflik-konflik dalam drama ini memberikan pencerahan agar penonton dilengkapi dengan informasi dan saranan tentang cara menangani isu yang dihadapi pasangan-pasangan di ambang perceraian, seperti mendapatkan nasihat daripada kaunselor. Melalui paparan drama seperti ini, khalayak penonton dapat menelaah realiti kehidupan semasa.

Gejolak Samseng Remaja Dalam Dunia Anak Metropolitan

Anak Metropolitan ialah siri remaja yang melangkaui tiga musim dalam jangka masa 10 tahun. *Anak Metropolitan 1* yang disiarkan pada tahun 2002 berkisarkan kehidupan remaja Singapura yang menganggotai kumpulan samseng. Ketua kumpulan itu, Remy yang dilakonkan Suzairhe Sumari, menghadapi kesukaran mengawal anggota kumpulannya daripada bersengketa.

Siri ini juga mengisahkan tentang perebutan kuasa kekasihnya, Ruby, yang berdendam dengan Shahnaz sehingga menyebabkan teman lelaki Shahnaz, Amir, yang juga seorang samseng, mati ditikam Remy. Satu lagi isu yang ditonjolkan adalah tentang remaja yang berdepan dengan krisis identiti.

Anak Metropolitan 2 pula menyusul setahun kemudian. Ceritanya bertitik tolak empat tahun kemudian setelah Remy menjalani hukumannya. Setelah dibebaskan, Remy yang sedar akan kesilapannya ingin buka baju (meninggalkan kumpulannya) dan cuci tangan daripada melakukan aktiviti samseng. Dia cuba memulakan kehidupan baru dengan mencari pekerjaan dan mendapatkan kemahiran baharu.



Foto ihsan penulis.




Foto ihsan penulis.

Kekasihnya, Ruby, masih lagi mengekalkan kumpulan samseng mereka dengan membawa masuk anggota-anggota baharu tetapi pengaruh mereka dilemahkan oleh tentangan kumpulan Wild Boys. Ruby yakin Wild Boys akan gentar sekiranya Remy kembali sebagai Chong (ketua) mereka. *Anak Metropolitan* 2 juga memaparkan isu remaja yang berada di luar kawalan ibu bapa, remaja yang terlibat dalam gejala sindiket VCD haram dan juga mereka yang bekerja di kelab malam.

Sembilan tahun kemudian, siri *Anak Metropolitan* 3 kembali menemui penonton. Diterbitkan dan disiarkan pada tahun 2012, siri ini tidak menyambung kisah hidup Remy tetapi memaparkan ketua geng kumpulan lain, iaitu Hakim, lakonan Syarif Abdullah.

Kali ini, jalan ceritanya menampakkan pertembungan dua dunia; dunia samseng remaja Hakim dan dunia Azwan iaitu dunia pelajar sekolah menengah daripada latar keluarga yang mewah.

Hakim cedera dalam rusuhan dan diberi perlindungan oleh Azwan. Azwan tertarik dengan corak persahabatan dalam kumpulan samseng, seperti persaudaraan dan kesetiaan. Walaupun Hakim tidak mahu Azwan melalui hidup sepertinya, Azwan tetap berdegil dan ingin memasuki geng Hakim. Oleh itu, Hakim rasa bertanggungjawab melindungi Azwan dan ini membuat anggota lain, khususnya Fahrin, berasa tidak puas hati. Kisah hidup Hakim dan Azwan memaparkan bagaimana remaja terjerumus dalam geng samseng remaja bukan atas pilihan mereka, tetapi

tekanan dan pengaruh daripada orang-orang di sekeliling, termasuklah ibu bapa, pergaulan dan sekitaran mereka.

Ketiga-tiga siri *Anak Metropolitan* ini juga telah membentangkan isu-isu yang dihadapi masyarakat pada waktu itu. Kumpulan kongsi gelap Melayu telahpun wujud sejak tahun 1970-an. Penglibatan remaja Melayu dalam kumpulan kongsi gelap menjadi kebimbangan masyarakat kerana kadar penglibatannya yang tinggi. Pada tahun 2007, pemimpin-pemimpin Melayu mengutarakan kebimbangan mereka terhadap trend aktiviti geng yang melibatkan remaja yang semakin meningkat. Sebanyak 34 peratus perusuh juvenil merupakan belia berbangsa Melayu, dua kali ganda lebih tinggi berbanding dengan perangkaan 15 peratus populasi Singapura (Kamaludeen Mohamed Nasir, 2014:2).

Kebimbangan yang sama turut disuarakan dalam keratan akhbar bersangkutan pemerhatian seorang polis pesara yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun menangani kes kongsi gelap dan samseng remaja. Beliau menyatakan peratusan remaja Melayu yang terlibat dalam kegiatan samseng telah meningkat daripada sekitar 10 peratus pada 1980-an dan 1990-an kepada sekitar 30 peratus pada tahun 2010. Tambahan pula, perangkaan sejak 2006 menunjukkan sekitar 500 remaja diberkas kerana merusuh setiap tahun dan seramai 278 remaja ditahan sepanjang enam bulan pertama tahun itu bagi kesalahan tersebut.

Penulis siri *Anak Metropolitan* menceduk daripada realiti ini untuk dijadikan bahan paparan konflik drama berkenaan. Realisme dalam menonjolkan sub-budaya samseng remaja membangkitkan perhatian yang luar biasa apabila *Anak Metropolitan* mencatatkan rating tontonan tertinggi di televisyen untuk tayangan bagi ketiga-tiga musim. Ia mencatatkan rating tontonan tertinggi di televisyen.

Untuk *Anak Metropolitan* 3, ia juga menunjukkan rating tertinggi di platform Catch-up TV pada waktu itu; sebuah khidmat tontonan semula Mediacorp secara dalam talian. Terdapat juga banyak perbincangan di media sosial yang muncul ekoran daripada terbitan siri *Anak Metropolitan* ini, termasuk juga video-video parodi. Walaupun hampir 10 tahun telah berlalu sejak kali terakhir siri ini ditayangkan, ia tetap menarik perhatian ramai pihak apabila ketiga-tiga musim ini dipautkan semula di lelaman meWatch.sg sekitar tahun ini.

Dalam menelaah fenomena populariti siri *Anak Metropolitan*, tidak kurang juga yang bimbang dan tidak bersetuju tentang paparan realiti ini kerana ia menjadi pengaruh negatif bagi penonton muda. Esei kajian tentang *Anak Metropolitan* 3 menukil artikel "Nak Dedah Pekung Di Dada" tentang pandangan masyarakat umum yang berpendapat *Anak Metropolitan* menjadi punca meningkatnya masalah-masalah sosial dan penghakisan akhlak (Nurul 'Aishah Bte Shuhaimi, 2014:7).

Namun, pendedahan masalah samseng remaja ini bertujuan untuk membuka ruang perbincangan sesama anggota keluarga berkaitan natijah-natijah pengaruh pergaulan remaja. Hal ini akan menggalakkan bimbingan daripada orang dewasa, pengukuhan atas nilai-nilai kekeluargaan yang murni dan daya pemikiran kritis yang terarah. Ia juga bertujuan sebagai pencegahan apabila penonton mengambil iktibar daripada babak-babak *poetic justice* atau keadilan setimpal yang dilalui watak-watak yang ditangkap dan harus melalui hukuman undang-undang.

Pengakuan daripada bekas anggota samseng yang menyusuli pada bahagian akhir drama setiap episod *Anak Metropolitan* 3 juga membangkitkan kesedaran ini. Talian kepada badan-badan sosial dan juga polis bertindak sebagai pengawasan masyarakat

sekiranya ada yang memerlukan bantuan atau ingin melaporkan sebarang kejadian.

Justeru, dengan adanya perbincangan yang mendalam serta tindakan susulan daripada tayangan siri *Anak Metropolitan*, jelas sekali paparannya dapat dihubungkaitkan dengan cerminan realiti masyarakat Melayu pada waktu itu.

Abang Teksi: Perjalanan Menghadapi Gelombang Digital

Abang Teksi ialah siri yang berkisarkan sekumpulan pemandu yang mencari rezeki dengan menghantar penumpang sama ada melalui sistem pengangkutan teksi atau melalui kereta sewa privet. Drama sosial yang disiarkan pada lewat tahun 2017 ini diterajui protagonisnya, Sood, seorang pemandu teksi yang dilakonkan oleh Suhaimi Yusof. Siri drama yang menyelitkan sindiran dan humor ringan ini diterbitkan untuk mengetengahkan kegusaran ramai pemandu teksi pada ketika itu akibat kemunculan khidmat kereta sewa privet.

Premis ini sejajar dengan perkembangan industri pengangkutan pada ketika itu. Khidmat kereta sewa privet, seperti Grab and Uber, menerobosi industri pengangkutan sebagai salah satu pilihan alternatif di samping khidmat teksi. Menurut statistik daripada Pengguna Pengangkutan Darat (LTA), jumlah kenderaan sewa privet mengatasi jumlah teksi; pada tahun 2016, iaitu 31,962 kereta sewa privet berbanding 27,534 teksi. Pada tahun 2017 pula, jumlah kereta sewa privet telah mengatasi jumlah teksi sebanyak 56 peratus daripada jumlah keseluruhannya. Walaupun keadaan ini merupakan fenomena sejagat, ia menjelaskan segolongan besar masyarakat Melayu yang mencari



Foto ihsan penulis.

sumber pendapatan, sama ada dengan memandu teksi atau kereta sewa privet.

Kemunculan khidmat kereta sewa privet juga menandakan kemunculan gelombang pendigitalan dengan adanya kemudahan menempah kendaraan menggunakan aplikasi. Kemajuan teknologi ini sudahpun digunakan dalam khidmat kereta sewa privet tetapi dilaksanakan secara bertahap-tahap oleh syarikat-syarikat teksi. Kemajuan sebegini juga menampakkan era yang mana industri yang dahulunya mendatangkan peluang kerjaya yang cerah dan pendapatan yang lumayan sudah tidak lagi relevan dan diambil alih oleh industri teknologi maklumat yang pesat berkembang. Ramai yang dibuang kerja secara mendadak dan hal ini secara tidak langsung membuat khidmat memandu kereta sewa privet sebagai satu jaring keselamatan untuk mereka yang mencari nafkah.

Pada ketika itu, terdapat juga segolongan pemandu teksi yang sukar menerima perubahan sebegini kerana tidak mahu melalui proses latihan semula. Mereka berat hati untuk menjalani latihan kerana mereka menolak perubahan dan mengandaikan bahawa latihan ini memakan masa serta

tidak menambah nilai pada pekerjaan mereka, yang pada asasnya hanya memerlukan kemahiran memandu. Pemikiran ini dihidupkan dalam watak Sood yang begitu bangga kerana salasilah keluarganya semua terdiri daripada golongan pemandu. Dia marah dengan kewujudan pemandu kereta sewa privet yang padanya merampas periuk nasinya. Dia menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan dirinya pada era digital.

Watak Leman yang dilakonkan oleh Fakkah Fuzz pula mewakili golongan yang bekerja dalam industri yang merudum, seperti industri minyak dan gas. Kerjaya yang cerah dan pendapatan yang lumayan berubah secara mendadak apabila Leman dibuang kerja dan terpaksa mengetepikan harapan untuk mendapat peluang kerja yang serupa. Leman terpaksa merendahkan jangkaannya dan memandu teksi serta mengubah kerjaya dalam industri yang baharu.

Watak-watak dalam *Abang Teksi* ini direka setelah pihak penerbitan melalui beberapa sesi perkongsian dengan pemandu teksi dan pemandu kereta sewa privet. Perbincangan ini dilakukan untuk memastikan watak-watak yang diketengahkan kekal autentik dan ada aspek realisme dalam dunia *Abang Teksi* ini – sejarah dengan keadaan yang berlaku pada waktu itu.

Dengan mengaitkan penulisan drama dengan realiti masyarakat, siri *Abang Teksi* bertujuan untuk mendedahkan kepada khalayak penonton tentang cabaran yang dihadapi oleh golongan masyarakat yang berdepan dengan kemajuan pesat dalam dunia digital dan industri pengangkutan. Bukan sahaja pemandu dan pekerja pada waktu itu yang terjejas, keluarga mereka juga turut merasakan keperitannya.

Melalui pergolakan yang dilalui watak-watak ini juga, siri drama ini

memberi kesedaran tentang perubahan pada pemikiran masyarakat dalam mendakapi perubahan. Semangat belajar sepanjang hayat dan sikap daya bingkas membolehkan sesiapa saja untuk bangkit daripada landskap ekonomi yang tidak menentu serta memastikan peluang pekerjaan sentiasa kekal cerah dan terjamin.

Kesimpulan

Secara syumul, usaha untuk mengaitkan isu-isu yang dihadapi masyarakat Melayu Singapura dalam drama-drama setempat harus diteruskan kerana ia membobotkan lagi pengisian drama dan menambah nilai pengalaman menonton melalui cara-cara berikut:

- a. membangkitkan penerapan didaktik melalui pencerahan tentang isu-isu semasa;
- b. memberi pendedahan tentang hal-hal yang mungkin terlepas pandang; dan
- c. berfungsi sebagai pra-mula perbincangan sesama anggota keluarga.

Dari sudut penerbitan pula, cerminan sebegini menjadi wadah dokumentasi suasana sosio-politik dan sosio-budaya yang berlaku pada satu-satu masa. Usaha ini akan mengukuhkan jati diri pihak penerbitan untuk menjadi suara masyarakat dalam mengetengahkan isu-isu yang dekat dengan audiensnya, sekali gus menjadikan drama TV setempat unik dan mampu mewakili masyarakatnya.

Rujukan

Chairul Fahmy Hussaini & Safhras Khan. 2010. Semakin ramai remaja Melayu sertai samseng. *Berita Harian*.

De Jong, Knudsen & Rothwell, Jerry. 2012. *Creative Documentary: Theory and Practice*. Harlow: Pearson.

Dommaraju & Jone. 2011. Divorce Trends in Asia. *Asian Journal of Social Science*.

Faris Mokhtar. 2017. Number of divorces continues to rise, while fewer tie the knot. *Today*.

Kamaludeen Mohamed Nasir. 2013. *The Malay Gangster. Figures of Southeast Asian Modernity* Jan: 198-200.

Nurul 'Aishah Shuhaimi. 2014. *Anak Metropolitan 3 – Mesej dan Paparan Sebenar Realiti Masyarakat di Singapura*. Desertasi. National Institute of Education.

Rafiz Hapipi. 2006. Commentary on Malay Muslim Marriages and Divorces. Lelaman web <https://www.thereadinggroup.sg/> [7 Jun 2021]

Shook, Frederick. 2000. *Television Field Production and Reporting*. Edisi ketiga. New York: Longman.

Ummu Rabbisyfina Abdul Hamid. 2018. Pasangan muda Muslim kurang cerai tapi pasangan tua pula semakin banyak cerai. *Berita Mediacion*.

Yeo, George et al. 2019. *On Air: Untold Stories From Caldecott Hill*. Singapore: Marshall Cavendish.



WAN FIRZALEENAZRAH

WAN AHMAD ialah seorang penulis skrip dan penerbit eksekutif di salah sebuah syarikat penerbitan.

Wan Firza pernah memenangi Anugerah Skrip Terbaik Drama dan Hiburan pada tahun 2013 dan 2015.

AL-AHMADIAH PRESS: MENJEJAK SUMBANGAN BANGSAWAN RIAU DI SINGAPURA

NUR AMALINA SHALAN

Latar Industri Percetakan Dan Penerbitan Melayu Di Singapura Pada Abad Ke-19 Hingga Ke-20

Singapura pada abad ke-19 hingga ke-20 menyaksikan kegemilangan industri pembukuan dan percetakan bahan-bahan bacaan Melayu sama ada dalam tulisan Jawi mahupun Rumi. Antara penggerak utama dalam penyebaran percetakan Melayu di Asia Tenggara pada awal abad ke-19 ialah mubaligh Kristian, khususnya London Missionary Society yang menubuhkan mesin percetakan di Melaka, Penang, Singapura dan Batavia.



Percetakan di Singapura mula berlangsung dengan kedatangan Reverend Claudius Henry Thomsen dan Munsyi Abdullah dari Melaka pada tahun 1822. Munsyi Abdullah telah mencetak proklamasi untuk Raffles tentang pelupusan tanah pada tahun itu (Gallop, 1990: 63). Pada waktu itu, banyak percetakan karya mubaligh Kristian diterbitkan di Singapura dalam bahasa Melayu. Antaranya, *Syair Injil*, sebuah puisi yang ditulis pada tahun 1834.

Selain itu, terbitan lebar sehelai (*broadsheet*) tentang pengumuman Residen Singapura pada tahun 1838 perihal penubuhan sebuah institusi pendidikan baharu, iaitu Singapore Free School, dicetak. Dokumen itu menerangkan kebaikan dan kepentingan persekolahan dan mengundang ibu bapa untuk mengunjungi bangunan sekolah itu. Dokumen itu juga telah disaksikan dan dicap dengan mohor Tengku Abdul Jalil, anak Sultan Hussein di Singapura.

Penerbitan karya-karya Kristian dalam bahasa Melayu terus dicetak di Keasberry's Mission Press di Zion Hill, Singapura, hingga 1860-an. Namun, dari 1860-an, mubaligh Kristian dan pejabat pemerintah sudah tiada kuasa monopoli dalam bidang percetakan dan penerbitan di Singapura.

Pada waktu itu, syarikat-syarikat percetakan dan penerbitan watan Melayu mula muncul di Singapura. Banyak manuskrip syair, hikayat dan keagamaan dicetak oleh syarikat-syarikat Melayu ini. Antaranya ialah kitab *Sirat al-Mustakim* yang ditulis oleh Shaykh Nuruddin ar-Raniri pada tahun 1628 dan diterbitkan di Singapura pada tahun 1864. Kitab *Sirat al-Mustakim* karangan Shaykh Nuruddin ini merupakan kitab fiqh pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2015: 229; Sya'ban, 2017: 9).

Penyalinan litograf kitab ini diselesaikan oleh Tengku Yusuf bin Tengku Terenggenu. Kitab *Furu' al-Masa'il* karangan Shaykh Daud bin

Abdullah yang telah disalin oleh Tengku Yusuf juga telah diterbitkan di Singapura pada tahun 1874 (Gallop, 1990: 105). Antara karya lain yang diterbitkan oleh syarikat percetakan Melayu di Singapura pada akhir abad ke-19 ialah syair-syair seperti *Syair Terubuk Hendak Meminang Puteri Puyu-Puyu* (1873) dan panduan menulis surat kiriman, *Peraturan Membuat Surat Kiriman* (1872). Selain itu, percetakan kitab-kitab Jawi juga rancak diterbitkan. Antara yang tersimpan di Perpustakaan British ialah kitab *Tajwid al-Quran* yang diterbitkan sebelum 1876 di Singapura tentang panduan membaca Al-Quran (Gallop, 1990: 107).

Surat khabar Melayu pertama, *Jawi Peranakan*, dicetak di Singapura pada tahun 1876. Akhbar sebanyak empat halaman ini mengandungi iklan, pemberitahuan rasmi pemerintah, warkah-warkah pembaca, editorial dan syair. Meskipun tujuan akhbar ini adalah untuk memberi para pembaca berita terkini, akhbar ini hanya mengandungi sedikit kandungan berita. Meskipun begitu, akhbar ini mempunyai ejen pengedar di luar negara seperti London, Penang, Melaka, Klang, Kuala Kangsar, Johor, Deli, Padang, Batavia dan Sarawak (Nik Ahmad Haji Nik Hassan, 1963: 37).

Susulan penerbitan *Jawi Peranakan* ini ialah beberapa akhbar yang diterbitkan dengan pengkhususan khalayak dan tujuan yang berbeza. Meskipun akhbar-akhbar ini tidak bertahan lama, kandungan-kandungannya memaparkan pemikiran dan hasrat penerbit dan penulis kepada pembangunan dan kemajuan masyarakat.

Sebagai contoh, akhbar *Sekola Melayu* mula diterbitkan pada tahun 1888 untuk memenuhi keperluan ilmiah para pelajar di sekolah-sekolah Melayu di Singapura. Akhbar ini mengandungi berita-berita umum, iklan dan editorial-editorial yang khususnya membincangkan perihal bahasa. Perbincangan tentang bahasa ini dianggap satu pembaharuan dalam sejarah percetakan vernakular Melayu

kerana buat pertama kalinya, soal-soal bahasa dibangkitkan dan dibincangkan secara terbuka dalam editorial (Nik Ahmad Haji Nik Hassan, 1963: 40).

Selain *Jawi Peranakan* dan *Sekola Melayu*, terdapat beberapa surat khabar Melayu yang dicetak di Singapura pada abad ke-19 seperti *Bintang Timor*, *Shamsul-Kamar*, *Nujumul Fajar*, *Sri Perak*, *Tanjong Penegeri* dan *Jajahan Melayu*. Penerbitan akhbar yang rancak di Singapura ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana Singapura dikenali sebagai sebuah pelabuhan penting dan maju di Malaya dan tempat bagi pemerintah Negeri-negeri Selat. Pada akhir abad ke-19, terdapat banyak karya bercetak dalam bahasa Melayu, sama ada dalam tulisan Rumi mahupun Jawi, berbentuk buku, surat khabar dan terbitan berkala pada amnya (Hadijah Rahmat, 2021: 209).

Semenjak kewujudan mesin cetak di alam Melayu, syair yang merupakan salah satu genre kesusastraan utama, telah diubah daripada bentuk manuskrip kepada bentuk yang bercetak untuk memenuhi keperluan dan cita rasa masyarakat pada waktu itu. Antara faktor yang menjadikan syair sebagai satu genre kesusastraan Melayu yang paling diminati ramai ialah bentuk penceritaannya yang bersambung daripada satu rangkap kepada rangkap yang lain dengan irama yang terikat.

Syair sering menjadi pilihan para pengarang sebagai wadah menyampaikan pemikiran, luhan rasa tentang kritik sosial dan pandangan tentang isu-isu kemasyarakatan pada ketika itu (Hadijah Rahmat, 2021: 213). Ian Proudfoot telah membuat senarai inventori buku-buku bercetak Melayu yang diterbitkan di Negeri-negeri Selat dan Tanah Melayu hingga tahun 1920. Berdasarkan buku-buku yang disenaraikan, beliau merumuskan bahawa terdapat peningkatan pada jumlah percetakan manuskrip Melayu. Terbitan-terbitan manuskrip yang rancak dicetak ialah panduan-panduan keagamaan, hikayat dan syair (Proudfoot, 1993: 8).

Teknologi mesin cetak juga memberi ruang kepada masyarakat, sama ada daripada golongan bangsawan mahupun awam untuk meluahkan pendapat dalam akhbar. Menurut Emmanuel (2010: 1), terdapat peningkatan yang besar dalam percetakan surat khabar di alam Melayu pada zaman kemelesetan besar (The Great Depression) yang melanda dunia dari tahun 1930 hingga tahun 1941. Ramai golongan celik huruf giat terlibat dalam aktiviti-aktiviti percetakan pada waktu itu. Selain itu, melalui surat khabar, muncul wadah-wadah baharu untuk menyuarakan pandangan awam – editorial, peningkatan keterlibatan dalam media melalui warkah kepada editor, penyumbangan karya dan pembacaan serta perbincangan kandungan akhbar secara beramai-ramai.

Percetakan akhbar Melayu berkembang sehingga menjadi wadah perbincangan dan perbahasan isu-isu kemasyarakatan pada ketika itu. Zaman kemelesetan besar pada waktu itu telah menyebabkan keresahan dalam diri masyarakat Melayu tentang nasib bangsa dan status sosioekonomi masyarakat Melayu di sela kedatangan bangsa-bangsa asing ke alam Melayu. Maka, tema-tema yang sering dibangkitkan dalam surat khabar oleh para penyumbang karya ialah kesedaran tentang kedudukan orang Melayu yang lemah, kemunduran dan kemiskinan. Suara-suara seruan untuk maju lantang disiarkan dalam akhbar. Pada era inilah, jumlah pembaca dan pendengar meningkat kerana surat khabar merupakan wadah dialog kolektif untuk masyarakat mendapatkan gambaran tentang hala tuju dan cita-cita bangsa Melayu.

Penubuhan Al-Ahmadiah Press

Dengan penubuhan syarikat-syarikat penerbitan dan percetakan Melayu di Singapura yang semakin rancak pada abad ke-19 hingga ke-20, banyak syarikat dan individu yang mengambil kesempatan untuk menubuhkan pelbagai syarikat baharu yang


bersangkutan dengan penerbitan, percetakan, penyebaran dan penjualan bahan-bahan bercetak. Ada yang melihat usaha ini sebagai ikhtiar untuk menjana ekonomi. Ada juga yang melihat hal ini sebagai peluang untuk menyebarluaskan idea-idea dan cita-cita para pengarang kepada masyarakat. Salah sebuah syarikat itu ialah Al-Ahmadiah Press yang ditubuhkan oleh beberapa orang anggota keluarga bangsawan dari Riau.

Penerangan berupa catatan yang menyeluruh sejaoh ini tentang sejarah Al-Ahmadiah Press diusahakan oleh Wan Mohd Shaghir bin Wan Abdullah. Sepanjang hayatnya, beliau telah mengumpulkan pelbagai manuskrip dan karya cetakan syarikat-syarikat penerbitan Melayu di alam Melayu, termasuk Al-Ahmadiah Press. Ketokohan beliau terserlah dalam kajian yang dibuat tentang keluarga bangsawan Riau, khususnya dari Pulau Penyengat yang berkecimpung dalam wacana keilmuan dan keagamaan. Beliau turut mengumpulkan beberapa surat dan

biografi Syarikat Ahmadi & Co. di Midai dan cawangan syarikat penerbitannya di Singapura, Al-Ahmadiah Press (Khazanah Fathaniyah, 2020).

Penubuhan Al-Ahmadiah Press bermula atas perundingan beberapa orang kerabat diraja Kesultanan Riau-Lingga dengan tujuan untuk membina ekonomi. Perundingan itu diusahakan atas usulan Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Umar yang merupakan anak saudara Raja Ali Haji, pengarang dan cendekiawan terkenal dari Pulau Penyengat. Raja Haji Ahmad pernah memerintah Midai dan telah menggerakkan penubuhan syarikat perniagaan Ahmadi & Co. Midai dan cawangannya di Singapura.

Cawangannya di Singapura kemudian dikenali sebagai Al-Ahmadiah Press yang telah mencetak pelbagai karya penulis-penulis Riau seperti Raja Ali Haji dan ahli keluarganya seperti Raja Aishah binte Raja Sulaiman. Raja Haji Ahmad turut mengundang Raja Ali (Tengku Selat) bin Raja Muhammad



Gambar Al-Ahmadiah Press dipetik dari lelaman roots.gov.sg

Tengku Nong, Raja Haji Idris bin Raja Haji Umar, Raja Haji Ja'far bin Raja Haji Umar dan Raja Haji Muhammad bin Raja Ali Haji (anak Raja Haji Umar). Hasil daripada perundingan Raja Haji Ahmad dan empat orang kerabat diraja itu ialah penubuhan Syarikat Ahmadi & Co. Midai pada 17 September 1906.

Pada tahun 1915, pejabat cawangan syarikat ini dibuka di Singapura di alamat 18B Palembang Road. Pejabat ini kemudian berpindah ke 50 Minto Road. Cawangan ini menampung perniagaan import-eksport hasil bumi dan laut dari Pulau Tujuh, Sumatera dan Malaya. Malah, hasil bumi dan laut di alam Melayu juga telah dieksport ke negara-negara Eropah. Pada tahun 1920, atas perundingan dan muafakat anggota syarikat inilah, perusahaan di Singapura ini dijadikan syarikat percetakan. Perniagaan di 50 Minto Road ini terus berkembang maju sehingga mereka dapat membeli sebuah rumah di 82 Jalan Sultan yang digantikan alamatnya kepada 101 Jalan Sultan (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2019: 6). Tapak syarikat Al-Ahmadiyah Press tersebut kini terdirinya hotel The Sultan.



Gambar Hotel Sultan

Berdasarkan arkib surat-surat milik Raja Haji Ali bin Raja Haji Muhammad Kelana, catatan peribadi beliau, Syarikat Al-Ahmadiyah dan urusan beliau dengan beberapa pihak yang lain, Wan Mohd Shaghir Abdullah menyimpulkan bahawa terdapat kekeliruan pada catatan para sarjana tentang kaitan Al-Ahmadiyah Press dengan Kelab Rushdiyah, sebuah pertubuhan kelab keilmuan di Pulau Penyengat yang terdiri daripada beberapa orang keluarga bangsawan Pulau Penyengat. Beliau juga menyangkal kesimpulan para sarjana seperti U.U. Hamidy (1983) dan Ian Proudfoot (1993), yang mengatakan bahawa terdapat hubungan antara Matba'ah Al-Riauwiyah/Ahmadiyah di Pulau Penyengat dengan Al-Ahmadiyah Press di Singapura. Menurut Hamidy dan Proudfoot, Matba'ah Al-Riauwiyah/Ahmadiyah yang ditubuhkan di Pulau Penyengat dipindahkan ke Singapura agar urusan penerbitan dan percetakan karya-karya pengarangnya dapat diteruskan memandangkan terdapat tantangan politik hebat di Pulau Penyengat daripada kuasa kolonial Belanda pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20.

Walau bagaimanapun, sejarah penubuhan Al-Ahmadiyah Press ini tidak menafikan syarikat ini sebagai sebuah alat yang menyebarkan gagasan pemikiran, harapan, pegangan, literasi dan kesusteraan Melayu kepada masyarakat awam di Singapura dan di rantau ini. Malah, Al-Ahmadiyah Press bertanggungjawab atas percetakan banyak karya pengarang daripada golongan bangsawan Pulau Penyengat yang terkenal, seperti Raja Ali Haji, dan para anggota Kelab Rushdiyah, seperti Raja Badariah binte Raja Thahir dan Raja Aisyah binte Raja Sulaiman.

Sepanjang hayat Al-Ahmadiyah Press, terdapat pelbagai usaha untuk memastikan penerbitan dan perniagaan mereka relevan dan sejarah dengan tuntutan semasa. Antaranya, terdapat usaha untuk menerbitkan buku-buku dwiaksara – Jawi dan Rumi. Antara

buku-buku yang dicetak dalam edisi Jawi dan Rumi secara berasingan ialah *Kitab Adab Al-Fatah*, *Kitab Panduan Kanak-kanak dengan Syair Syahinsyah* pada tahun 1920-an. Namun, masyarakat Melayu pada waktu itu kurang cenderung dengan tulisan Rumi. Akibatnya, sambutan karya-karya edisi Rumi kurang hangat berbanding dengan edisi Jawi (Proudfoot, 1993: 61).

Cetakan-cetakan Al-Ahmadiyah Press

Berikut merupakan antara karya yang dicetak Al-Ahmadiyah Press:

- *Kitab Adab Al-Fatah* oleh Shaykh Ali Afandi Fikri Misri. Karya asal karangan Shaykh Ali Afandi ini adalah terjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu dalam tulisan Jawi oleh Raja Haji Muhammad Sa'id bin Raja Thahir. Usaha penerbitan dan penyelenggaraan kitab ini ke dalam bahasa Melayu diusahakan oleh Raja Badariyah binte Raja Thahir. Kitab ini dibahagikan kepada tiga jilid pada tahun-tahun yang berbeza – jilid pertama pada 1920, jilid kedua pada 1921 dan jilid ketiga pada 1926. Kitab ini menjelaskan “Adab kesopanan bagi orang muda-muda anak yang bangsawan. Di dalamnya beberapa pelajaran yang berfaedah dan berguna bagi mengelokkan adab dan perangai.” (Muhammad Sa'id, 1920).
- *Syair Suluh Pegawai* (1923) oleh Raja Ali Haji. Syair ini juga dikenali sebagai *Syair Hukum Nikah* atau *Syair Kitab Al-Nikah*. Syair ini dianggap sebagai rujukan ilmu fiqah yang membahaskan hukum-hukum nikah serta peranan-peranan suami dan isteri. Karya ini dilihat sebagai kepekaan Raja Ali Haji kepada masyarakat yang tidak celik huruf dan lebih selesa mendapatkan ilmu agama melalui penyampaian lisan (Abu Hassan Sham, 1995: 139).

- *Ibu Di Dalam Rumahnya* (1926) oleh Raja Umar bin Raja Hassan. Raja Umar ialah cucu Raja Ali Haji yang mengusahakan cetakan pertama *Kitab Pengetahuan Bahasa* (lihat seterusnya). Raja Umar juga merupakan mudir Al-Ahmadiyah Press. Risalah yang dikarang ini ialah buku panduan bagi wanita secara umum. Risalah ini menerangkan cara-cara wanita menjaga kesihatan diri dari peringkat remaja, semasa mengandung hingga ke waktu setelah bersalin. Selain itu, Raja Umar menjelaskan tentang cara mendidik anak-anak dengan baik. "Terkandung di dalamnya kaifiat memelihara badan dan memelihara akal atau adab yang seyogianya dilakukan oleh ibu-ibu bagi dirinya dan atas anak-anak didikannya." (Umar, 1926).
- *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1927) oleh Raja Ali Haji. Sebelum cetakan ini, karya ini hanya dalam bentuk manuskrip. Kitab ini bukan sekadar kamus yang menerangkan makna-makna perkataan dalam bahasa Melayu, tetapi menghuraikan secara terperinci istilah-istilah yang ada kaitannya dengan ajaran Islam. Ada juga beberapa perkataan yang mana Raja Ali Haji sertakan syair untuk menggambarkan makna perkataan dengan lebih menyeluruh.
- *Syair Khadamuddin* (1927) oleh Raja Aisyah binte Raja Sulaiman. Raja Aisyah merupakan cucu Raja Ali Haji yang menganggotai Kelab Rushdiyah. Syair ini mengandungi "beberapa pengajaran yang menarik kepada berkasih-sayang laki-isteri dan silaturahim kepada kaum keluarga dan tanah airnya dan jadi peringatan kepada pemuda-pemuda laki-laki dan perempuan supaya jangan melakukan perangai-perangai yang keji dan menjalankan tingkah laku yang terpuji sehingga

mengerti mereka itu menjalankan pekerjaan dengan isyarat maka inilah suatu syair yang seyogianya diketahui oleh anak-anak yang bangsawan dan setiawan" (Aisyah, 1927). Syair ini sekali gus memaparkan kebijaksanaan dan ketokohan Raja Aisyah sebagai seorang penulis wanita yang hebat dan kritis. Melalui penceritaan tentang kisah Siti Sabariah, Raja Aisyah menyulam nasihat, luahan hati dan kritikan sosial terhadap suasana kehidupan yang bersifat feudalistik pada ketika itu.

- *Risalah Pergaulan Di Antara Pemuda-pemuda Dan Pemudi* oleh Yusuf bin Abdul Rahman. Tarikh percetakan risalah ini tidak dapat dikenal pasti tetapi berdasarkan kandungannya, risalah ini diterbitkan selepas Perang Dunia Kedua. Ustaz Yusuf ialah bekas imam Pulau Bukom, Singapura. Risalah ini merupakan pengamatan Ustaz Yusuf tentang bahaya kerosakan akhlak anak muda dan kepentingan melengkapkan diri dengan menuntut ilmu agama sebagai benteng diri. Risalah ini ditulis dan dicetak untuk disebarluaskan secara percuma kepada para penuntut di Madrasah Al-'Asriyyah Al-Islamiyah di 56 Lorong Melayu, Singapura, serta para penuntut di madrasah-madrasah yang lain. Risalah ini telah diterbitkan semula dalam tulisan Rumi oleh Akademi Jawi Malaysia pada tahun 2019.
- *Pedoman Mengajar: Kaedah dan Peraturan Pendidikan Turath Jawi* oleh Ahmad bin Ya'qub Al-Johori (1968). Naskah cetakan Al-Ahmadiyah Press ini merupakan cetakan ke-10. Naskah ini menjadi rujukan bagi pembukuan semula buku daripada tulisan Jawi kepada tulisan Rumi yang diusahakan Akademi Jawi Malaysia pada tahun 2020. Kitab *Pedoman Mengajar* ini telah digunakan sebagai panduan oleh guru-guru agama di Johor



Gambar-gambar kulit buku Syair Khadamuddin.

sejak tahun 1939. Tuan Haji Ahmad yang mengarang dan menyusun kitab ini merupakan bekas pemeriksa sekolah-sekolah agama Johor. Dengan persetujuan Jabatan Agama Johor, buku ini dicetak pada tahun 1953. Buku ini menunjukkan cara pendidikan agama Islam yang sistematis dan keperluan usaha serta muafakat guru-guru dan guru besar dalam mendidik pelajar dengan sebaik-baiknya.

Kesan Percetakan Al-Ahmadiyah Press

Penubuhan Al-Ahmadiyah Press telah merancakkan lagi penerbitan karya-karya Melayu, sama ada yang ditulis oleh para penulis sebelum abad ke-20 atau yang aktif dalam pelbagai bidang keilmuan pada abad ke-20. Meskipun para sarjana berbeza pendapat tentang sejarah penubuhan Al-Ahmadiyah Press serta kaitannya dengan anggota Kelab Rushdiyah di Pulau Penyengat dan Matba'ah Riauwiyah/Ahmadiyah di Pulau Penyengat, karya-karya yang diterbitkan sebenarnya menunjukkan bahawa Al-Ahmadiyah Press telah menjadi antara penggerak yang menyebarkan karya-karya karangan penulis-penulis Riau kepada pembaca Melayu di Singapura dan di luar negara.

Selain itu, genre-genre dan tema-tema yang diterbitkan memaparkan citra dan kecenderungan masyarakat Melayu di Singapura pada akhir abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20. Hadijah Rahmat (2021: 217) merumuskan tema-tema yang sering diangkat oleh golongan cendekiawan Melayu pada waktu itu, termasuk para penulis, menyentuh perihal kesedaran yang jitu tentang isu-isu sosiopolitik kontemporer dan kesedaran tentang keperluan untuk menyelesaikan masalah kemunduran sosioekonomi masyarakat Melayu.

Laungan lantang untuk maju dan bersatu hati dalam kalangan masyarakat Melayu mula kedengaran pada awal abad ke-20 dan terus menjadi rancak sepanjang abad itu. Hal ini kerana terdapat tanggapan ugutan kedudukan istimewa masyarakat Melayu dan ketuanan Melayu di alam Melayu oleh masyarakat Cina dan India yang menuntut untuk dirangkumkan ke dalam politik dan administrasi arus perdana negara.

Kesedaran inilah yang menimbulkan keresahan para cendekiawan Melayu sehingga menyebabkan mereka semakin berani untuk mempertahankan hak masyarakat Melayu dan akhirnya melahirkan semangat nasionalisme Melayu. Persuratan Melayu, sama ada dalam bentuk kreatif mahupun ilmiah, memainkan peranan yang sangat penting pada ketika itu sebagai senjata untuk membangunkan masyarakat dengan menyuntik tujuan dan semangat hidup yang mendalam dalam diri masyarakat Melayu.

Sejarah penubuhan Al-Ahmadiyah Press, sama ada mengikut pandangan Wan Mohd Shaghir mahupun Hamidy dan Proudfoot, membuktikan bahawa Singapura semenjak abad ke-19 sudah menjadi pilihan para pendatang dari luar negara untuk memulakan hidup baharu dan mencari mata pencarian. Green & Mohd Raman Daud (2019: 96)

mencatatkan bahawa George Windsor Earl berasa amat teruja melihat tenaga dan kemajuan komersil Singapura pada tahun 1833.


Singapura pada abad ke-19 memang rancak dengan pelbagai kegiatan ekonomi. Di Kampong Glam, khususnya, terdapat pelbagai peluang pekerjaan yang berkaitan dengan ibadah haji memandangkan Singapura merupakan tempat perhentian para jemaah haji dari seluruh pelosok dunia. Contohnya, di Kampong Glam, terdapat kedai-kedai yang menjual peralatan ibadah haji dan umrah. Selain itu, ada keluarga yang menawarkan khidmat penyewaan tempat tinggal bagi para jemaah ini. Ada juga yang menjadi broker haji berlesen dan pegawai haji untuk para jemaah.

Selain daripada sebuah negara yang menjanjikan kehidupan baharu, Singapura dianggap sebagai sebuah bandar metropolis di alam Melayu. Singapura dikenali sebagai sebuah

pelabuhan terkenal oleh para pendatang untuk menadah dan menyebarkan ilmu, berkongsi pendapat dan berbahas tentang pelbagai isu, seperti politik dan agama. Kemajuan dan perkembangan percetakan serta penerbitan karya-karya pelbagai tema dan genre juga membolehkan pelbagai idea keagamaan untuk disebarluaskan di Singapura dan ke luar negara (Green & Mohd Raman Daud, 2019: 113).

Akhirul kalam, Al-Ahmadiyah Press ialah salah sebuah syarikat penerbitan dan percetakan Melayu pada abad ke-20 di Singapura yang telah menggunakan teknologi mesin cetak untuk menerbitkan pelbagai karya, sama ada dalam bentuk kreatif mahupun ilmiah. Meskipun para sarjana ada berselisih pendapat tentang sejarah penubuhan syarikat ini, yang pasti, Al-Ahmadiyah Press ialah bukti bahawa Singapura telah menjadi sebuah hab komersil dan ilmu yang maju dan terkenal di seluruh dunia

101, 105 - 109 Jalan Sultan & 54 - 64 Aliwal Street




The Al-Ahmadiyah Press and adjacent shophouses, 1965

The development consists of nine Late style shophouses and a former printing house, the Al-Ahmadiyah Press. Established in 1920 by nobility from the Natuna Islands in Indonesia, the printing house was part of a thriving publications industry dealing with Islamic and Malay literature that was centred in Kampong Glam.

In its adaptation into a hotel - The Sultan, the original internal spatial character has been kept. Fine plaster and timber details in the facades have been restored and traditional patterned flooring reintroduced in the five foot way. Overall, the project enhances the historic ambience of Jalan Sultan.



Scan the QR code
to find out more!



sejak abad ke-19 hingga kini. Karya-karya yang diterbitkan Al-Ahmadiah Press ini memainkan peranan yang penting sebagai jambatan bagi generasi hari ini dan akan datang dengan para cendekiawan, tokoh keagamaan, aktivis dan pejuang bangsa pada masa lampau di alam Melayu. Tanpa tercetaknya bahan-bahan ini, persuratan Melayu tidak mungkin disebarluaskan dengan pesat.

Rujukan

- Abu Hassan Sham. 1995. *Syair-syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- A. Ginanjar Sya'ban. 2017. *Mahakarya Islam Nusantara: Kitab, Naskah, Manuskrip dan Korespondensi Ulama Nusantara*. Tangerang: Pustaka Compass.
- Ahmad Bin Ya'qubi Al-Johori. 2020. *Pedoman Mengajar: Qa'idah Dan Peraturan Pendidikan Turath Jawi*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Emmanuel, M. 2010. *Viewspapers: The Malay Press Of The 1930s*. *Journal of Southeast Asian Studies* 41 (1): 1-20.
- Gallop, A. T. 1990. *Early Malay Printing: An Introduction To The British Library Collections*. *Journal of The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 63 (1): 85-124.
- Green, A. & Mohd Ramad Daud (2019). *Kapal Haji: Singapore and the Hajj Journey by Sea*. Singapore: World Scientific Publishing.
- Hadijah Rahmat. 2021. *Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi: His Voyages, Legacies And Modernity Vol. 1*. Singapore: World Scientific Publishing.
- Hamidy, U.U. 1983. Sumbangan & peranan cendekiawan Riau dalam penghidupan kebudayaan nasional Indonesia. Kertas Kerja Seminar Hari Sastera '83 Johor Bahru. Anjuran Persatuan Penulis Johor (PPJ) dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Johor Bahru, 10-13 Disember.
- Nik Ahmad Haji Nik Hassan. 1963. *The Malay Press. Journal of The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* Vol. 36 (1): 37-78.
- Proudfoot, I. 1993. *Early Malay Printed Books*. Kuala Lumpur: The Academy of Malay Studies and the Library, University of Malaya.
- Raja Aisyah binte Raja Sulaiman. 1927. *Syair Khadamuddin*. Singapura: Matba'ah Al-Ahmadiah.
- Raja Ali Haji. 1993. *Puisi-puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Badariyah binte Raja Tahir. 1921. *Kitab Adab Al-Fatah: Bahagian Pertama*. Singapura: Matba'ah Al-Ahmadiah. <https://sea.lib.niu.edu/islandora/object/SEAImages%3A6127#page/8/mode/1up>. [7 Jun 2021].
- Raja Badariyah binte Raja Tahir. 1922. *Kitab Adab Al-Fatah: Bahagian Ketiga*. Singapura: Matba'ah Al-Ahmadiah. <https://sea.lib.niu.edu/islandora/object/SEAImages%3A5962#page/1/mode/1up>. [7 Jun 2021].
- Raja Badariyah binte Raja Tahir. 1930. *Kitab Adab Al-Fatah: Bahagian Kedua*. Singapura: Matba'ah Al-Ahmadiah. <https://sea.lib.niu.edu/islandora/object/SEAImages%3A6063#page/2/mode/1up>. [7 Jun 2021].
- Raja Umar bin Raja Hasan. 1926. *Ibu di dalam Rumahnya*. Singapura: Matba'ah Al-Ahmadiah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2015. *Ensiklopedia Naskhah Klasik Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2019. *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Yusuf Bin Abdul Rahman. 2019. *Risalah Pergaulan Di Antara Pemuda-Pemuda Dan Pemudi*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.



NUR AMALINA SHALAN

berkhidmat sebagai seorang guru bahasa Melayu di sebuah sekolah menengah di Singapura. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam pendidikan dengan pengkhususan bahasa dan kesusastraan Melayu dari Institusi Pendidikan Nasional (NIE-NTU).

Beliau merupakan penerima anugerah Singapore Malay Teachers Book Prize pada tahun 2016. Kini, beliau sedang meneruskan pengajian tinggi di peringkat Sarjana Sastera di NIE-NTU dengan kajian tentang kewanitaan dan karya-karya terbitan Al-Ahmadiah Press.



KISAH NADRA DAN ANNELIES: PENOLAKAN DIMENSI KEMANUSIAAN YANG ANGKUH

ALMAHERA ABU HASSAN

Sejarah memaparkan bahawa pada awal abad ke-19 telah berlakunya revolusi industri di Eropah secara meluas dan besar-besaran. Peralihan sosial dan kemajuan teknologi melonjakkan produktiviti perindustrian sehingga membangkitkan keghairahan kuasa-kuasa kolonial seperti Inggeris, Belanda, Perancis, Jerman, Rusia dan Amerika Syarikat untuk mencari tanah jajahan baharu serta memperluas empayar politik mereka.

Berikut itu, pencapaian yang berganda ini berjaya menjelmakan kekuatan fizikal kolonial sebagai empayar kuasa politik yang unggul sekali gus mengangkat peradaban sendiri yang dirasakan lebih baik dan hebat daripada bangsa lain. Maka, dasar politik kolonialisme tersebut dilihat sebagai medan yang membuka ruang kepada kelangsungan visi dan misi penjajahan mereka terhadap negara-negara yang dilihat mundur di dunia ini.

Meskipun demikian, penjajahan dan penaklukan kuasa-kuasa kolonial tidak hanya tertumpu kepada eksploitasi kekayaan sumber alam yang sedia ada sahaja. Padahal, ia membawa bersama-sama jalur pemikiran serta kebudayaan yang meresapi seluruh kehidupan masyarakat yang dijajahnya. Untuk itu, dominasi penjajah dihidupkan melalui dasar-dasar sosial penjajah, yakni mengawal dan mempengaruhi nilai-nilai sosiobudaya masyarakat yang secara sedikit demi sedikit memesongkan pegangan dan tradisi budaya anak watan.

Hal ini termasuklah aspek kesusasteraan yang membudaya dan menjadi teras yang kuat bagi merealisasikan segala agenda kolonialisme mereka. Antara lain disebut oleh Said (1978:3) sebagai Orientalisme yang membawa kepada dominasi, autoriti dan pembentukan semula Timur dengan menggunakan kayu ukur Barat. Oleh yang demikian, pengukuhan hegemoni melalui wacana kolonial bertitik tolak daripada strategi penjajahan Barat yang bersifat manipulatif, yakni berkemampuan untuk menundukkan minda anak watan.

Sebenarnya perluasan kuasa empayar Eropah khususnya di Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia mewujudkan suatu kebergantungan kuasa pusat dengan mempertahankan teori bahawa kononnya mereka lebih bertamadun untuk memimpin bangsa yang dianggap sebagai hamba dan tidak maju.

Melalui wacana Orientalisme, penjajah Barat bijak mengatur muslihat dengan begitu berdiplomasi dan menyuntik pengaruh yang menjurus kepada proses mencorakkan atau membaratkan identiti anak watan. Dalam erti kata lain, anak watan dikatakan meniru dan mempunyai persamaan identiti dengan penjajah sehingga menjelaskan '*mimic man*'.

Walau bagaimanapun, proses mimikri ini juga membentuk penolakan yang bersifat ambivalen sepetimana yang dihujahkan Homi K. Bhabha dalam bukunya *The Location of Culture*. Menurut Bhabha (1994: 86), proses mimikri turut menghasilkan identiti yang tidak realistik dan tidak tetap atau dikenali sebagai '*blurred copy*' sekali gus menggalakkan pengejekan (*mockery*) terhadap penjajah.

Secara tuntasnya, proses mimikri penjajah terkecundang kerana anak watan sentiasa sangsi, malah langsung tidak berpihak kepada penjajah. Hal


ini demikian kerana situasi tersebut disifatkan sebagai suatu kecenderungan anak watan yang diselindungkan bagi membentuk bangsanya ke arah lebih baik. Menyedari hakikat ini, ia bukan sekadar menghadirkan rasa keterasingan jiwa dan juga keterpinggiran jati diri anak watan, bahkan, menjadi tanda bagi menyuguhkan penolakan serta tentangan yang kuat daripada anak watan ke atas pihak penjajah.

Pembicaraan mengenai pertembungan dan pertikaian anak watan ini berjaya memunculkan wacana pascakolonial. Secara lebih rinci, kecenderungan pascakolonial merupakan reaksi anak watan yang bangkit mencabar dan menggugat ideologi pihak penjajah. Wacana kolonial akhirnya dilumpuhkan dengan cukup teliti sama ada secara sindiran atau terbuka. Malahan, kesempatan tersebut termasuklah mendedahkan segala pendobrakan nilai manusia dan kewenangan penjajah yang selama ini bersifat tidak manusawi terhadap anak watan.

Berasaskan muatan wacana pascakolonial, penolakan dimensi kemanusiaan yang angkuh dipandang sebagai wacana tandingan bagi menjatuhkan keagungan penjajah. Oleh itu, reaksi ini akan dikupas menerusi dua buah novel sastera, iaitu *Atas Nama Cinta* (2006) oleh Isa Kamari dan *Bumi Manusia* (1980) oleh Pramoedya Ananta Toer. Kedua-dua novel ini jelas bernada pascakolonial, yakni terserlah melalui perwatakan, latar, naratif penceritaan dan teknik penyampaian pengarang.

Pergeseran Kuasa Dalam *Atas Nama Cinta*

Menerusi novel *Atas Nama Cinta*, pengarang menumpukan perhatian kepada kisah-kisah individu dan kumpulan manusia yang bukan daripada golongan berkuasa atau dikenali sebagai golongan yang inferior. Novel ini juga mengisahkan sebuah peristiwa sejarah sebelum Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, iaitu bersandarkan kepada tragedi



Natrah di Singapura. Akibatnya, peristiwa tersebut telah menyaksikan pengalaman hitam yang terpalit ke atas anak watan, yakni berpunca daripada keangkuhan bangsa penjajah.

Lantas, Isa Kamari sebagai pengarang bertindak bijak kerana pengungkapan semula sejarah Natrah melambangkan kesedaran jati diri dan kegusaran yang dibisukan dalam diri anak watan tentang kekerasan penjajahan yang lalu. Secara tersirat, penginterpretasian sejarah Natrah dalam novel *Atas Nama Cinta* dilihat menjadi wahana penting bagi menanjakkan seruan dan penolakan anak watan terhadap dimensi kemanusiaan yang angkuh.

Dalam wacana penolakan anak watan, gambaran awal pendudukan Jepun di kepulauan Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu, khususnya Singapura menunjukkan bahawa pengarang dengan sengaja melenyapkan pengaruh Inggeris dan Belanda pada ketika itu. Penyebaran secara meluas akhbar *Berita Malai* seumpamanya dikesan sebagai sokongan padu dan kebangkitan anak watan untuk menumbangkan kuasa penjajah Barat.

Jika dikaitkan dengan sejarah, pihak Jepun melancarkan akhbar tersebut dengan tujuan untuk menyebarluaskan dakyah ‘Asia untuk orang Asia’, maka mudahlah bagi mereka memperoleh perhatian daripada anak watan. Ironinya, situasi tersebut dibaca sebagai lambang pascakolonial, yakni membantah wacana kolonial penjajah.

Malah, anak watan dilihat sudah mempunyai kesedaran dan tidak lagi diperdaya dengan segala tipu helah penjajah Barat. Dalam bahasa yang mudah, krisis ini dapat difahami sebagai suatu reaksi anak watan secara terang-terangan bagi membebaskan tanah air daripada segala pengaruh dan agenda palsu bangsa penjajah Barat.


Aspek penolakan yang seterusnya adalah menerusi watak Soewaldi dan dicitrakan sebagai seorang pejuang revolusi kemerdekaan. Soewaldi berdarah kacukan dan mempunyai kesedaran dan perasaan cinta yang kuat terhadap tanah airnya. Biarpun begitu, perwatakan Soewaldi bertentangan kerana berbeza dengan adiknya Adelaine yang cenderung mengikut suaminya Adrianus, iaitu berbangsa Belanda dan beragama Katolik.

Dalam konteks ini, Soewaldi merupakan watak yang penting kerana berupaya menyerahkan jati dirinya sebagai anak watan yang bersikap tegar tidak mahu tunduk kepada penjajah walaupun dalam dirinya mengalir darah Belanda. Lebih-lebih lagi, kebencian Soewaldi akan perkahwinan Adelaine dan Adrianus membuka mata anak watan bahawa penjajah Belanda tidak mahu mengaku kalah demi kelangsungan kuasa dan kedaulatan bangsa mereka.

Di samping itu, wujud keraguan dan rasa berbelah bahagi yang melanda diri Nadra terhadap orang kulit putih dalam novel ini. Keadaan tersebut tergambar apabila dia melihat penjajah berpakaian seragam tentera atau pegawai pemerintah. Jelas diakui bahawa Nadra berkutik putih seperti mereka, tetapi ketegangan dalam itu mencambahkan rasa kesal dan prasangka buruk yang berpanjangan.

Imej dan perlakuan bangsa penjajah tersebut jelas sekali bertolak daripada dasar kolonialisme, yakni sebagai sebuah bangsa yang suci, mulia dan dipilih oleh Tuhan. Justeru, mereka bebas memaksa dengan mengenakan undang-undang yang tidak adil terhadap sesiapa sahaja yang menentang mereka. Sesungguhnya, penolakan halus melalui sikap Nadra memperlihatkan reaksi pengarang yang berjaya merendah-rendahkan dan memperkecilkan kredibiliti bangsa penjajah. Hal ini demikian kerana niat jahat serta kekangan undang-undang mereka tidaklah sejernih dan sehebat pakaian seragam tersebut.

Berkaitan hal ini, pengarang memaparkan hubungan yang tegang sehingga menimbulkan rasa tidak senang, yakni merusuh dalam jiwa anak watan. Pemaksaan kuasa penjajah terhadap anak watan jelas menjadi teras bagi menjamin keselesaan dan kehormatan mereka.



Maka dalam novel ini, dipaparkan kelicikan serta permainan politik penjajah Inggeris dan Belanda demi meletakkan kuasa sepenuhnya ke atas Nadra apabila di Singapura. Desakan Tuan Locke, iaitu seorang Penasihat British di Terengganu agar menyegerakan permohonan surat anak angkat Nadra di Singapura menimbulkan kemarahan dalam diri Aminah, lantas membangkitkan pembantahan undang-undang yang digariskan oleh pihak penjajah.

Pengarang menggambarkan seperti berikut, "Dia menggenggam jari-jemarinya hingga warna putih tulang sendi jari-jemari itu terserlah. Dengan perlahan dia mendongak lalu merenung wajah Tuan Locke. Aminah tidak melepaskan tenungannya terhadap wajah Tuan Locke, seolah-olah memberi amaran kepadaanya. Tuan Locke menjadi resah lalu menundukkan kepalanya seperti penterjemahnya. Dia tahu wanita Melayu itu cekal dan berani orangnya" (2006: 83).

Ekoran daripada itu, pendedahan gerak-geri dan keberanian Aminah ketika berhadapan dengan Tuan Locke telah mengubah tanggapan terhadap wanita Melayu. Masyarakat sering menstereotipkan mereka sebagai golongan yang lemah. Hal ini turut membuktikan bahawa kecekalan Aminah inilah yang difahamkan sebagai lambang perjuangan anak watan menentang kuasa penjajah.

Suatu perkara lagi yang dilihat dalam novel ini ialah campur tangan penjajah itu ketara apabila Tuan Locke merancang pelbagai tipu muslihat agar Nadra berjaya dikembalikan kepada ibu bapa kandungnya. Hasrat ini dibuktikan dengan kedatangan Canselor Konsulat Belanda, iaitu Encik Van Lunteren dan Setiausaha Canselor, Cik Bruins juga bersama-sama seorang penterjemah berbangsa Melayu di Singapura. Mereka merupakan perwakilan yang

dilantik oleh pemerintah Belanda bagi merundingkan hal Nadra dengan Aminah. Sedangkan hakikatnya, penolakan pengarang dirincikan berdasarkan pemerhatian Aminah terhadap penampilan perwakilan Belanda tersebut.

Tentangan terhadap kedua-dua perwakilan Belanda itu boleh dilihat melalui pemerian pengarang yang mempertikaikan kebolehan Encik Van Lunteren yang masih muda memegang jawatan Canselor tersebut. Malah, Cik Bruins secara sinis turut dipersendakan oleh pengarang kerana digambarkan seperti berikut, "...orang tongong dan tidak layak menjadi Setiausaha Canselor" (2006: 96). Dengan cara satira ini, pemaparan watak perwakilan Belanda ini jelas menunjukkan kecenderungan pascakolonial kerana bertujuan memperlekeh dan memperkecilkan penjajah.

Sementara itu, sifat tinggi diri Tuan Locke terus diserlahkan oleh pengarang bagi meruntuhkan keyakinan dan keelokan adab pekerti penjajah sebagai sebuah bangsa yang bertamadun. Hal ini menonjol melalui peristiwa pencabulan Zainab, iaitu teman karib Nadra di Kemaman Terengganu.

Tuan Locke bertindak melakukan perbuatan terlaknat itu dan melampiaskan nafsu jahatnya ke atas Zainab. Pengarang menyorot peristiwa hiba tersebut dengan rinci, yakni memerihalkan seperti berikut, "Penyu tadi menyaksikan tubuh Zainon diangkat oleh sepasang tangan putih dan berbulu ke arah belukar di pinggir pantai. Rumpun belukar kemudian bergeser dengan gerak yang terburuburu. Sehelai kain biru kemudian melayang ke udara dan tersangkut pada ranting-rantingnya. Desahan nafas yang kuat menyusul selama beberapa minit sebelum ia reda dalam kelelahan" (2006: 234).

Sekali lagi, kecenderungan pasacakolonial tampil melalui keburukan niat Tuan Locke itu. Alangkah ironisnya apabila penjajah Inggeris terpaksa menjadikan gadis Melayu sebagai alat pemua nafsunya. Kerakusan Tuan Locke menolak sangkaan bahawa bangsa Eropah yang tinggi darjatnya dan terpilih oleh Tuhan itu jauh lebih lebih teruk sikapnya daripada bangsa yang dikatakan mundur. Dalam erti kata lain, perlakuan mereka benar-benar melambangkan hipokrasi bangsa penjajah, sekali gus tidak jujur serta suka bermuka-muka dengan mengambil kesempatan terhadap golongan yang lemah.

Disebabkan tipu helah penjajah Barat yang licik itulah juga maka pengambilan sepenuhnya dan hak penjagaan Nadra oleh ibu bapa kandungnya tidak dapat dibantah. Nadra akhirnya ditempatkan di Biara *The Good Shepherd* bagi menyesuaikan diri dengan kemegahan hidup ala Barat. Mereka beranggapan bahawa penyerapan budaya moden berupaya untuk melelapkan segala amalan hidup sebagai seorang yang beragama Islam serta nilai-nilai kemelayuan dalam diri Nadra.

Walaupun begitu, pengarang memperlihatkan kehampaan dan kesunyian jiwa Nadra ditanggapi sebagai simbol kepada kegagalan dasar kolonialisme penjajah Barat. Tanpa sedar, setiap perkara yang dilakukan oleh Nadra di Biara tersebut dipaksakan sehingga memaksakan dirinya memenuhi kehendak mereka tersebut. Secara lahiriah, Maria ataupun Nadra berjaya dirampas kembali bahkan ditanggapi terus terpersona dengan budaya penjajah. Walhal, nilai-nilai budaya penjajah yang disogokkan kepada Nadra hanyalah sekadar perlepasan dendam terhadap anak watan semata-mata bagi menyembunyikan kerencatan propaganda dan wewenang kuasa mereka.

Bumi Manusia Dan Proses Penafian Wacana Barat

Perbicaraan mengenai novel ini dimulakan dengan watak Minke yang berupaya menegakkan aspek kepada penolakan dimensi kemanusiaan yang angkuh. Minke berasas baik dilahirkan dalam lingkungan keluarga bupati yang berketurunan Jawa dan berkemampuan menerima pendidikan Eropah secara formal, yakni seperti anak-anak bangsa penjajah yang lain. Pendidikan di sekolah Belanda membuka ruang kepada Minke untuk mencapai tahap intelektualisme dan prestij sosial yang tinggi, sedangkan kehidupan peribuminya sendiri tidak mendapatkan hak yang sewajarnya.

Bagi Minke, peradaban Barat yang begitu kuat mempengaruhinya adalah suatu pemanfaatan terbaik lantas menjadi lambang kemajuan sesebuah tamadun. Namun demikian, nilai dan norma budaya Eropah yang sekian lama melatari hidupnya tetap tidak menjadikan Minke setara dengan penjajah, malahan dicemuh serta terus dipandang jijik. Justeru, Minke berdepan dengan segala penyimpangan dan persengketaan sebagai seorang anak watan sehingga lahir dalam jiwanya unsur penolakan dan gugatan terhadap nilai budaya penjajah tersebut.

Sementelah itu, Minke berkebolehan menulis dan percanggahan fikirannya terhadap penjajah terpancar melalui karyanya yang termuat dalam surat khabar. Misalnya, tulisan Minke yang bertajuk "Uit het schooner Leven van een mooie Boerin" (*Dari Kehidupan Indah Seorang Wanita Petani Cantik*), iaitu berkisar tentang keperibadian Nyai Ontosoroh. Tulisan ini jelas mendatangkan pertikaian dan pembantahan pendapat dengan rakan-rakan sekelasnya yang berbangsa Belanda. Pendek kata, mereka telah tersinggung dengan tulisan tersebut. Barangkali bagi mereka, seorang Nyai juga seorang peribumi

yang rendah tingkat sosialnya tidak layak diberi penghormatan setinggi itu. Tambahan pula, nama samaran 'Max Tollenar' yang digunakan oleh Minke juga kelihatan sebagai suatu penghinaan dan pengkhianatan ke atas mereka. Sebabnya, kerana perlakuan Minke adalah gambaran sebenar yang dialami oleh anak watan untuk membala dendam akan segala dosa-dosa buruk bangsa penjajah.

Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa pendirian intelektual serta sanggahan Minke turut ditonjolkan melalui surat-surat Miriam de la Croix. Surat-surat itu menjadi alat perantaraan yang diwujudkan pengarang sebagai suatu pendekatan untuk menafikan wacana bangsa penjajah. Kecaman Minke terhadap surat tersebut boleh dilihat seumpamanya, "Miriam, kau bukan sekedar mengirimkan surat. Lebih dari itu: ajimat pelenyap tegang. Kalau saja kau tahu: mendadak kini aku merasa berani, dan dunia jadi lebih terang dan gemilang. Jadilah gung! Terdengar bergaung-gaung" (1981: 190). Reaksi Minke ini berjaya memaparkan semangat dan kebangkitan anak watan sebagai bangsa yang bermaruah. Dalam erti kata lain, Minke semakin hari semakin akrab dengan ciri-ciri peribuminya, yakni berupaya menyingsirkan segala pergantungan ideologi dan budaya Barat yang telah diterapkan dalam dirinya sejak dari dahulu lagi.

Di sini sekali lagi ditonjolkan keberanian sikap Minke yang mencela bangsa penjajah dalam tulisan-tulisannya. Pihak berkuasa tertinggi menganggap penerbitan penulisan Minke bersifat menghasut dan mencabar wacana kolonial mereka. Tindak-tanduk Minke dilihat melampaui batas dan mengakibatkan dia hampir dilucutkan sebagai siswa H.S. Meskipun begitu, Minke akhirnya

mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pengajiannya di sekolah tersebut.

Minke mengajukan kekesalannya, "Selama ada kemungkinan aku akan terus belajar sebagaimana kukehendaki sejak semula. Kalau pintu dibuka kembali untukku, tentu akan kumasuki! Kalau ditutup bagiku, aku pun tiada keberatan tidak memasuki. Terimakasih atas semua susah-payah ini" (1981: 288). Situasi ini secara tersiratnya memperlihatkan pertembungan nilai Barat dan Timur.

Jika diteliti, awalnya Minke seolah-olah keliru untuk menentukan identiti dirinya dan sedaya upaya menyesuaikan diri menjadi seperti Belanda. Namun, pada akhirnya kompleksiti identiti Minke diinsafkan dengan mempertahankan kembali nilai-nilai Timur nenek moyangnya. Betapa pun demikian, proses mimikri Minke bukanlah suatu peniruan secara membuta tuli, tetapi ternyata ia berupaya menjungkirbalikkan wacana penjajah.

Kemuncak Takdir Nadra Dan Annelies

Penolakan dan penafian wacana penjajah telah menimbulkan pelbagai bentuk hambatan serta ketegangan hubungan antara anak watan dengan bangsa penjajah. Dalam konteks ini, kemuncak ketegangan hubungan ditonjolkan oleh kedua-dua orang pengarang melalui dominasi undang-undang mereka.

Kezaliman dan tindakan sadis mereka khususnya terhadap Nadra dan Annelies hanyalah bersifat untuk melepaskan ketegangan dengan anak watan. Walau bagaimanapun, kedua-dua sosok ini tidak lagi membungkamkan suara anak watan, bahkan mereka diseru untuk bertindak melawan segala bentuk kehancuran nilai-nilai penjajah yang tidak berperikemanusiaan itu.

Kemelut Nadra dan Annelies ini menuju kemuncaknya apabila telah mendatangkan kontroversi dan mengundang kemarahan anak watan khasnya umat Islam di Nusantara. Perkahwinan Nadra dan Mansoor Adabi juga Annelies dan Minke sekali gus meliputi hal ehwal agama Islam tidak sepatutnya dijadikan persoalan dan pertikaian, iaitu dengan mengecam pelbagai bentuk dakwaan jahat ke atas anak watan. Lantas, fenomena ini turut menjadi perbualan hangat dan mendapat sorotan utama dalam akhbar-akhbar Melayu dan Belanda.

Dalam novel *Atas Nama Cinta*, akhbar *Melayu Raya* misalnya mencatatkan, "...Sudah terang lagi nyata bahawa Maria sangat sayangkan Aminah dan Mansoor Adabi, dan tidak mahu kembali kepada ibu kandungnya Adelaine atau menukar agamanya kepada agama Kristian. Sudah nyata Maria telah dipaksa..." (2006: 89).

Manakala dalam *Bumi Manusia* pula, dinyata seperti berikut, "Tulisan tentang pelanggaran terhadap Hukum Islam oleh Hukum Putih dalam tulisan Belanda muncul dalam S.N. v/d D. Dalam Melayu muncul dalam Koran Melayu-Belanda. Dua-duanya terbit pada sore yang bersamaan" (1981: 332-333). Merujuk kepada kedua-dua contoh ini, pengarang telah mempergunakan sepenuhnya kekuatan anak watan, iaitu yang dibentuk melalui peranan bahasa dan ketangkasan media cetak ketika itu.

Hal ini bertujuan untuk menolak dan mematahkan segala pelabelan negatif penjajah terhadap anak watan. Bahkan, kejadian rusuhan yang mencetuskan huru-hara di perkarangan Mahkamah yang diperihalkan dalam kedua-dua novel ini adalah gambaran simbolik akan penamatkan rasa kebergantungan anak watan kepada wacana penjajah. Sehubungan dengan itu, kisah tragis Nadra dan Annelies menyedarkan anak watan untuk menolak segala perkara

yang telah memecahbelahkan nilai-nilai kemanusiaan bangsa.

Pada akhirnya, dapat disimpulkan bahawa kisah Nadra dan Annelies sebagai wadah anak watan untuk memperlihatkan kekesalan hati serta luka-luka yang tersimpan kerana tidak berhasil menyelamatkan mereka daripada ketidakadilan hegemoni Barat. Akan tetapi, ia merupakan suatu usaha dan kejayaan bagi anak watan memartabatkan harga diri dan maruah bangsa sebagai manusia yang bertamadun.

Pada masa yang sama, Isa Kamari dan Pramoedya Ananta Toer telah menampilkan pertembungan dan pertentangan wacana kolonial dengan wacana pascakolonial dalam novel-novel tersebut. Melalui novel *Atas Nama Cinta*, Isa Kamari jelas telah mengetengahkan penolakan melalui pergeseran kuasa penjajah terhadap anak watan. Malah, keupayaan Pramoedya Ananta Toer mengangkat persoalan penafian wacana kolonial berdasarkan perspektif anak watan yang tertawan dilihat sebagai pengentalan nilai dan identiti bangsa. Seyogia ditegaskan bahawa, kisah Nadra dan Annelies dalam kedua-dua novel ini secara kritisnya memberi rangsangan kepada masyarakat untuk mengembalikan kebijakan nilai-nilai kemanusiaan yang lebih bererti.

Rujukan

Bhabha, Homi K. (1994). *The Location of Culture*. London: Routledge.

Isa Kamari. (2006). *Atas Nama Cinta*. Kuala Lumpur: Al Ameen Serve Holdings Sdn Bhd.

Pramoedya Ananta Toer. (1981). *Bumi Manusia (Edisi Malaysia)*. Melaka: Wira Karya.

Said, Edward. (1978). *Orientalism*. London: Penguin Books.



ALMAHERA ABU HASSAN

merupakan lulusan Ijazah Sarjana Kesusasteraan dari Universiti Sains Malaysia dan kini melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kajian yang sedang ditekuni ialah kesusasteraan bandingan yang memfokuskan teori kritikan sastera, sosiologi agama dan pemikiran Islam di bawah bimbingan penyelia Profesor Dato' Seri Dr. Md Salleh Yaapar.

MENGGELEDAH KOMIK MELAYU DAN KEWUJUDANNYA DI SINGAPURA

DR MOHAMED NAZREEN SHAHUL HAMID



Pendahuluan

Secara umumnya, komik ialah bahan bacaan yang digemari golongan kanak-kanak dan remaja. Malah, terdapat sebahagian daripada golongan dewasa yang amat meminati bahan bacaan bergambar ini. Disebabkan kemampuan kewangan yang ada, golongan dewasa ini sering menjadikan komik sebagai koleksi sepertimana yang dilakukan pengumpul buku, setem, permainan video dan filem. Hal ini membuktikan bahawa komik mempunyai unsur daya tarikan tersendiri, iaitu antaranya kaya dengan ilustrasi berseni tinggi.

Kegilaan terhadap komik Melayu pada hari ini bertambah rancak dengan wujudnya pelbagai laman sesawang ataupun web seperti KOMIK-M yang menyediakan aneka ragam bahan komik berbahasa Melayu dalam talian. Kewujudan laman-laman sesawang yang memuat naik bahan-bahan komik dalam talian ini, telah melahirkan e-komik atau komik digital yang kini dengan pantas menjadi bahan bacaan alternatif selain daripada buku cerita, hikayat, teks, sejarah dan buku-buku ilmiah (Allen, 2014).

Malah, bagi Kirchoff dan Cook (2019), e-komik akan terus mendominasi pasaran sehingga datangnya teknologi baru yang mengubah kaedah pembacaan masyarakat dunia secara drastik. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, perkembangan komik Melayu tertumpu di Malaysia, yang sejak dahulu agak dominan dalam penghasilan komik berbahasa Melayu. Bagaimanakah pula keadaannya di Singapura? Persoalan ini bakal dirungkaikan dalam penulisan ini dengan menggeledah bahan-bahan komik yang sedia ada. Tumpuan juga diberikan terhadap sejarah perkembangan komik Melayu di Malaysia dan Singapura.

Apa Itu komik?

Komik, pada asasnya, merujuk kepada media yang mengekspresikan naratif atau idea-idea lain dengan menggunakan rangkaian gambar pegun dan kebiasaannya digabungkan dengan teks yang pelbagai. Pemakaian tersebut menghampiri apa yang dikatakan oleh Eisner (2008), yakni komik ialah satu hasil seni yang mempunyai gambar berurutan atau *sequential art*. Sementara itu, menurut McCloud (2001) komik ialah gambar atau lambang lain yang disusun dalam urutan tertentu bertujuan memberikan informasi dan mendapat tindak balas secara langsung daripada pembaca. Komik, lazimnya dicetak di atas kertas dan dilengkapi dengan teks dan dialog, serta diterbitkan dalam bentuk buku atau secara eceran dalam majalah dan surat khabar (Roslina, Nor Shahila, Hazlina & Normaliza, 2015).

Komik selalunya berbentuk urutan panel gambar. Peranti teks yang ada dalam komik seperti belon ucapan atau *speech balloons*, kapsyen dan onomatopoeia dapat menunjukkan dialog, naratif, kesan bunyi dan maklumat-maklumat lain (McCloud, 2011). Selain itu, dalam komik, ukuran dan susunan panel amat menyumbang kepada penceritaan yang ingin disampaikan. Oleh yang demikian,

pengkarya komik harus peka terhadap alur cerita agar dapat memastikan mesej adalah selari dengan gambar yang dipaparkan.

Penghasilan kartun dan juga bentuk ilustrasi lain adalah kaedah yang lazim dalam sesuatu komik. Manakala, *fumetti* adalah kaedah yang menggunakan gambar fotografi bagi membuat komik (Chelsea, 2001). Walau bagaimanapun, kaedah *fumetti* ini jarang digunakan kerana pengkarya komik gemar untuk melukis sendiri berbanding menggunakan gambar fotografi yang dilihat sebagai tiada keaslian dan melanggar norma komik.

Sejarah perkembangan komik mempunyai galur yang berbeza mengikut latar budaya sesuatu negara. Komik dikatakan mula berkembang di Amerika Syarikat pada pertengahan abad ke-20. Kemudian, diikuti oleh Eropah Barat khususnya di Perancis dan Belgium. Pada masa yang sama, komik juga menapak kukuh di Jepun sehingga ke hari ini dengan penghasilan komik manga.


Di samping itu, komik juga mempunyai jenis yang berbeza, iaitu *comic strip* dan juga komik buku. *Comic strip* ialah potongan komik yang terdiri daripada beberapa panel gambar yang biasanya ditemui dalam majalah dan akbar seperti yang dapat diteliti melalui Rajah 1:



Rajah 1: Contoh *comic strip* yang disiarkan di akhbar sejak tahun 1957 hingga 1981.

Sumber: <http://akujojan.blogspot.com/2008/01/raja-hamzah-kartun-mat-jambul.html>

Komik buku merujuk kepada komik yang telah dibukukan dan biasanya dihasilkan secara bersiri. Adakalanya komik buku ini juga dikenali sebagai novel grafik, bergantung pada pihak penerbitan (Sean, 2006). Prinsip antara komik buku dan novel grafik adalah sama iaitu menggunakan ilustrasi dan dialog dalam menyampaikan cerita. Bagi Sean (2006) komik buku dan novel grafik, tiada bezanya. Contoh komik buku boleh dirujuk melalui Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Komik buku bersiri *Tiga Dara Pingitan* keluaran syarikat penerbitan Gila-Gila.

Kombinasi lukisan dan dialog dalam komik membentuk sebuah naratif yang boleh dinikmati. Komik juga dihasilkan dengan kehadiran watak, latar, plot dan tema tertentu dalam menyampaikan ceritanya. Hal ini menjadikan komik sebuah karya gabungan, iaitu antara seni visual dan sastera. Malah, McCloud (1993) menganggap komik memiliki potensi untuk diangkat sebagai karya sastera setara dengan novel dan cerpen. Hal ini kerana penciptaan komik memberikan gambaran tentang isu-isu kehidupan, masa dan cara pandang dunia melalui karya. Dalam erti kata


lain, komik seperti karya sastera dapat dianggap sebagai dokumen sosial yang merakam perihal masyarakat seiring perubahan zaman. Komik tidak lagi dianggap sebagai bahan hiburan atau picisan, tetapi menuntut penelitian mendalam bagi memahami mesej yang terkandung secara tersurat dan tersirat.

Pensejarahan Ringkas Komik Melayu


Berdasarkan koleksi yang terdapat di Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, komik Melayu tertua ialah komik *Hang Tuah* oleh Saidin Yahya yang diterbitkan sekitar tahun 1953 (Roslina, Normaliza, Nik Rafidah & Roswati, 2019). Komik ini mempunyai muka surat berwarna dan mengandungi iklan daripada berbagai-bagi perusahaan. Komik ini juga bertulisan Jawi dan diterbitkan oleh The Malay Press, Kuala Pilah. Selain itu, terdapat juga komik bertajuk *Gorila* (Ghazali Salleh), *Pa Kadok*, *Malin Kundang*, *Yang DibENCHI*, *Suboh* (A. Halim Teh), *Uda dan Dara*, dan *Puteri Kapas* (Osman Baru). Meskipun begitu, komik-komik ini tiada tarikh penerbitan yang jelas kerana tidak dinyatakan pada kulit.

Terdapat sumber yang menunjukkan bahawa komik Melayu terawal dapat dikesan pada tahun 1955, iaitu *Kasturi* diterbitkan Abu Bakar Al-Ahmadi, Kota Baharu, Kelantan. Komik ini dilukis oleh Nik Mahmood Nik Idris, seorang guru lepasan Raffles College di Singapura, yang juga terkenal sebagai penggiat seni lukis di negeri Kelantan. Pelukis lain pada era tersebut antaranya ialah Abdul Halim Teh yang menjadi tokoh penting dalam sejarah seni lukis komik Melayu di Malaysia.

Memasuki tahun 1970-an muncul kartunis terkemuka Malaysia Mohammad Nor Mohammad Khalid atau dikenali sebagai Lat. Siri komik pertama Lat yang diterbitkan oleh Berita




Rajah 3: Komik *Hang Tuah*.



Rajah 4: Komik *Kasturi*.


Publishing pada tahun 1977 bertajuk *Lots of Lat* terjual lebih 60,000 naskhah. Lat diangkat menjadi ikon komik Melayu dan memenangi beberapa anugerah di peringkat antarabangsa. Karakter-karakter yang dilukis oleh Lat amat kental dengan identiti lokal, seperti memakai kain sarung, dhoti dan cheongsam dengan lakaran yang unik serta berlatarbelakangkan persekitaran kampung biasa. Malah, komik-komik beliau juga sering membawa isu-isu negara yang kontroversial, secara sinis mengkritik para pemimpin



Rajah 5: Komik Mat Som oleh Lat.

dan membangkitkan persoalan pertembungan masyarakat desa dengan kota, seperti dalam komik *Mat Som* dan *Budak Kampung*. Hal ini membuatkan komik-komik Lat sentiasa relevan hingga ke hari ini untuk dibaca dan diteliti.

Tahun 1980-an hingga 2000-an menyaksikan zaman kegemilangan komik Melayu dengan lahirnya ramai



Rajah 6: Komik Majalah Ujang.

kartunis prolifik seperti Rejabhad, Jaafar Taib, Mishar, Zainal Buang Hussein, Reggie Lee, Imuda, Ujang dan Zunar. Komik dalam bentuk majalah amatlah terkenal pada ketika itu yang menyaksikan syarikat penerbitan seperti

Gila-Gila dan MOY berjaya meraih keuntungan jutaan ringgit. Antara komik majalah yang menjadi kegilaan ramai ialah *Gila-Gila*, *Ujang*, dan *Apo?* yang telah melahirkan siri-siri ikonik seperti Mat Despatch, Workshop, Lawak Antarabangsa dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, mulai dari tahun 2009, permintaan terhadap komik bercetak semakin berkurangan. Akibatnya, syarikat penerbitan MOY pada tahun 2015 mengalami masalah kewangan yang teruk akibat hasil penjualan komik bercetak yang sudah tidak laris seperti sebelumnya dan terpaksa gulung tikar. Namun, kini kartunis di bawah syarikat tersebut bangkit menggunakan syarikat penerbitan baharu, iaitu Bekazon dengan penjualan komik secara digital sepenuhnya. Komik yang sedia ada telah berubah menjadi e-komik dan berjaya dipasarkan dengan lebih meluas. Dalam erti kata lain, pembacaan komik berubah dari bercetak kepada digital.

The screenshot shows the homepage of the website bekazon.com. The header features the 'Bekazon' logo and navigation links for Home, Shop, Web Komik, E-Books, Zon Beka, and a search bar. A large, vibrant cartoon illustration of various characters from the 'Lawak Xperiment' series serves as the background. In the center, there is a white callout box with the text 'SELAMAT DATANG' and 'Lihat Web Komik Terbaru Kami Dan Join Zon Komuniti Bekazon!'. Below this are two buttons: 'WEB KOMIK >' and 'ZON BEKA >'. At the bottom of the page, there is a link 'Browse our Categories'.

Rajah 7: Laman Web Bekazon yang menjual e-komik.

Kini, terdapat pelbagai laman web tempatan yang menjual e-komik dengan gaya dan jati diri Melayu, misalnya, matkomik.com, KOMIK-M dan sebagainya. Perkembangan yang berlaku ini memperlihatkan tahap kesediaan syarikat penerbitan komik untuk bersaing dengan komik luar negara. Malah, ia adalah satu keperluan dalam memastikan bakat warga tempatan sebagai kartunis dapat diketengahkan ke peringkat lebih tinggi atau global.

Komik Melayu Di Singapura

Berdasarkan satu kajian yang dilakukan, didapati bahawa komik Melayu pertama di Singapura ditemui melalui majalah *Hiboran* terbitan Harmy sekitar tahun 1930-an. Komik-komik dalam majalah tersebut dihasilkan oleh Abdul Halim Teh (Roslina, Normaliza, Nik Rafidah & Roswati, 2019). Namun, sumbangan beliau kepada perkembangan komik Melayu di Singapura tidak berpanjangan kerana beliau telah berpindah ke Kedah untuk bertugas dengan Pustaka Antara.

Disebabkan situasi yang dinyatakan di atas, penghasilan komik Melayu di Singapura mempunyai kelompongan yang sangat besar. Menurut laman sesawang National Library Board (NLB), *Tak Kering Gusi* ialah komik majalah Melayu Singapura yang pertama yang diterbitkan pada tahun 2000. Komik ini diterbitkan oleh MicAsia Media.

Unggun Creative mengambil langkah berani menerbitkan komik buku atau novel grafik Melayu pertama Singapura, iaitu *Niskala* (2020). Penerbitan *Niskala* adalah di bawah projek yang disokong oleh Geran Penciptaan daripada Majlis Seni Kebangsaan Singapura yang mengetengahkan Farihan Bahron sebagai penulis dan M. Sharif Ishnnin selaku pelukis. Kedua-dua mereka adalah tidak asing dalam bidang masing-masing.

Farihan Bahron ialah pengasas bersama syarikat penerbitan buku sastera Melayu, Unggun Creative. Karyakarya beliau dalam bentuk puisi dan cerpen banyak memenangi sayembara, antaranya Peraduan Asah Bakat 1998, Anugerah Pena Bakti 2000, dan Peraduan Mencari Kristal 2016. Malah, kumpulan puisi sulungnya *Tukang Tunjuk Telunjuk* telah berjaya dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori puisi Melayu dalam majlis anugerah Hadiah Sastera Singapura (2018) dan Anugerah Persuratan (2020/2021).

M. Sharif Ishnnin pula ialah graduan dari Politeknik Temasek dalam jurusan Komunikasi Visual. Beliau telah mendapat peluang untuk menjadi pereka set untuk Chingay 1997 di Stadium Tertutup Singapura yang kemudian membuka ruang kepada beliau menjadi pelukis ilustrasi dan artis papan cerita. Selain itu, beliau pernah bekerja di studio animasi, Animata Pte Ltd yang memberikan pengalaman kepadanya dalam produksi rancangan dan iklan-iklan untuk Cartoon Network. Berdasarkan latar belakang kedua-dua mereka, ternyata penerbitan *Niskala* boleh dikatakan bukan satu komik yang sembarang.

Niskala: Nafas Baharu Komik Melayu Singapura


Secara ringkas *Niskala* menghidangkan kepada pembaca dua kisah yang berbeza.

Pertama, kisah mengenai pahlawan Amra bersama rakan-rakan seperjuangannya, iaitu Lax, Woo dan De-5 yang dalam misi untuk menyelamatkan Gabenor Tisa daripada cengkaman makhluk asing, Najaraga pada tahun 1619 di negara Niskala.

Kisah kedua berkisar tentang beberapa watak lain yang tinggal di Singapura pada tahun 2019. Kedua-dua kisah bersilang antara satu sama lain. Di pertengahan komik, pembaca didedahkan tentang bagaimana kedua-dua kisah ini saling bersilang dan apa yang menyebabkan satu kisah memberi kesan kepada kisah yang lainnya. Pada pengakhiran cerita, pembaca akan memahami mengapa komik ini diberikan judul *Niskala* yang bererti tidak wujud.

Seperi yang telah dinyatakan, ilustrasi memainkan peranan penting dalam penghasilan sesebuah komik bagi mengerakkan jalan cerita. Dalam *Niskala*, ilustrasi yang dihasilkan oleh M. Sharif sememangnya menarik yang ia bukan sahaja bertindak sebagai sajian mata kepada pembaca tetapi berfungsi dalam penyampaian cerita. Hal ini dikatakan demikian kerana ia memenuhi prinsip-prinsip komik seperti yang diperkatakan oleh C. Michael Hall (2014). Prinsip-prinsip tersebut adalah ekspresi, reka bentuk, gerak isyarat dan transisi.

Lukisan yang memenuhi prinsip-prinsip ini memaparkan watak dan latar yang dihasilkan tampak lebih hidup dan membantu pembaca memahami gambaran aksi serta pergerakan yang sedang dialami ataupun dilakukan oleh watak-watak yang ada. Misalnya, pembaca dapat memahami setiap



Rajah 8: *Niskala* (2020)



Rajah 9: Watak Amra memakai gogal bersama senjata rentaka dan lembing.

emosi yang dialami oleh watak seperti marah, sedih, keliru, bingung, kesakitan dan lain-lain lagi. Malah, melalui penekanan prinsip-prinsip ini, ia berjaya membuatkan jalan cerita dalam komik *Niskala* lebih teratur dan tidak mengelirukan walaupun plotnya berbentuk zigzag. Plot berbentuk zigzag atau bersilang ini dilakukan penulis untuk menimbulkan rasa saspens di setiap helaian yang ada, lantas terus membuatkan pembaca menghabiskan pembacaan mereka.

Selain itu, ilustrasi dalam komik ini juga memperlihatkan gabungan elemen tradisional dan moden. Hal ini jelas dapat diteliti melalui watak-watak utama yang ada, iaitu Amra, Lax, Woo dan De-5. Kesemua mereka menggunakan busana tradisional tetapi diselitkan dengan peralatan moden.

Watak Amra mengenakan tanjak dihiasi dengan gogal. Teknik gabungan elemen tradisional dan moden ini dikenali sebagai *steampunk*, iaitu sejenis

subgenre retrofuturistik fiksyen sains yang menggabungkan reka bentuk teknologi dan estetik yang diilhamkan oleh jentera berkuasa wap dalam zaman industrial abad ke-19.

Namun, dalam *Niskala* estetik tersebut digantikan dengan unsur-unsur tradisional Melayu. Menerusi penggantian itu, pembaca komik diperkenalkan dengan pelbagai senjata tradisional Melayu yang digunakan oleh watak-watak seperti badik, istinggar, keris, lembing, pemuras, rentaka, terakol dan tombak.

Malah, terdapat juga ilustrasi dan glosari khas dimuatkan bagi senjata-senjata ini agar pembaca mengetahui tentangnya dengan lebih lanjut. Kesemua ini memperlihatkan bahawa penulis dan pelukis telah membuat kajian mendalam bagi memastikan pembaca dapat memperoleh ilmu tentang senjata tradisional Melayu daripada pembacaan *Niskala*.

Di samping itu, dialog merupakan aspek penting dalam komik agar dapat memberi pemakaian terhadap ilustrasi (Hall, 2014). Dialog yang ditulis oleh Farihan sememangnya berjaya menggambarkan segala percakapan yang telah dilukiskan dan dapat mengerakkan jalan cerita dengan berkesan. Hal ini juga dibantu dengan reka bentuk belon pengucapan oleh M. Sharif yang sesuai dengan nada dialog yang dilafazkan oleh watak-watak.

Dalam komik *Niskala*, sebahagian besar dialog ditulis menggunakan bahasa Melayu baku. Tiada bahasa slanga dimasukkan seperti mana yang kerap dilakukan dalam komik-komik Melayu umumnya. Malah, penulis juga memasukkan peribahasa; "Malu bertanya sesat jalan, malu berdayung perahu hanyut" dan bahasa berirama; "Dah jenuh aku tunggu dari sehari hingga ke seminggu!", "Kopek bawang, umpil kerang, jaga gawang, kami serang!!!".

Hal seperti ini membuatkan dialog-dialog dalam *Niskala* mempunyai ragam bahasa yang pelbagai dan tidak bersifat statik. Secara tidak langsung, pembaca kanak-kanak dan remaja dapat menambah kosa kata bahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka melalui pembacaan komik ini.

Seterusnya, setiap karya kreatif harus mempunyai pemikiran yang boleh disampaikan kepada pembaca. Pemikiran dalam komik disifatkan sebagai pokok persoalan yang hendak dibincangkan oleh seseorang penulis sama ada secara sedar atau tidak. *Niskala* secara tersurat hanya memperlihatkan kisah wira-wira dalam menentang pihak musuh. Namun, jika diselami, secara tersiratnya komik ini membawa persoalan tentang perjuangan menentang pihak penjajah yang tidak pernah menemukan titik noktah dan menuntut kerjasama dalam kalangan rakyat.

Persoalan ini diangkat melalui keempat-empat watak, iaitu Amra, Lax, Woo dan De5 yang tidak pernah berputus asa dalam usaha menewaskan Najaraga yang menjajah negeri Niskala dan mereka juga sentiasa saling bantu-membantu hingga ke pengakhirannya. Malah, penulis turut menekankan bahawa akal fikiran yang tinggi juga perlu bagi memastikan pihak penjajah dapat dikalahkan.

Senjata secara fizikal sahaja adalah tidak mencukupi dan hal ini jelas diperlihatkan melalui watak Amra yang akhirnya berjaya menemukan idea bagi menewaskan Najaraga tanpa perlu membuat serangan bertubi-tubi.

Kesimpulan

Komik Melayu di Singapura sememangnya wujud, namun agak terbatas. Tiada tokoh tertentu yang membangunkan komik Melayu dan keadaan ini juga didorong dengan keadaan pasaran komik di Singapura.

Meskipun begitu, komik *Niskala* terbitan Unggun Creative berjaya membawa nafas baharu. Komik ini dihasilkan dengan mutu yang tinggi. Ilustrasinya berjaya mengangkat pelbagai elemen tradisional Melayu terutamanya dari aspek persenjataan. Dialog yang dihasilkan penulis juga kuat dengan jati diri Melayu.

Kesemua hal ini membuktikan bahawa komik mampu menjadi bahan hiburan dan alat dalam memelihara peradaban bangsa terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Segala usaha murni untuk menerbitkan komik seperti ini harus disokong oleh pelbagai pihak agar penerbitan yang seiras dapat dilakukan secara berterusan.

Penghasilan komik menelan belanja yang banyak, dan hal ini tidak sama dengan penulisan yang lain. Diharapkan

agar lebih banyak penulis, pelukis dan penerbit pada masa hadapan melakukan penerbitan komik secara elektronik agar capaian lebih meluas dan kekal lama.

Rujukan

Allen, W.T. 2014. *Economic of Digital Comics*. New York: Indignant Media.

Eisner, W. 2008. *Comics and Sequential Art*. New York: Poorhouse Press.

Farihan Bahron (Penulis) & M. Sharif Ishnini (Pelukis). 2020. *Niskala*. Singapura: Unggun Creative.

Komik Singapura. 2016. <http://paccm.com.my/ms/komik-singapura/> [1 Mac 2021].

Kirchoff, SJ & Cook, P.M. 2019. *Perspectives on Digital Comics*. New York: McFarland & Co.

McCloud, S. 1993. *Understanding Comics: The Invisible Art*. New York: HarperCollins.

McCloud, S. 2001. *Reinventing Comics*. New York: HarperCollins.

McCloud, S. 2011. *Making Comics: Storytelling Secrets of Comics, Manga and Graphic Novels*. New York: HarperCollins.

Roslina Mamat, Nor Shahila Mansor, Hazlina Abdul Hamid & Normaliza Abd Rahim. 2015. Manga dan Dojinshi Malaysia: Persamaan dan Perbezaan Ciri-Ciri Luaran Karikatur. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication* 31 (2), 477-492.

Roslina Mamat, Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. 2019. Perkembangan Komik dan Animasi: Satu Kajian Perbandingan antara Melayu dan Jepun. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication* 35 (2), 260-276.

Sean, H. 2006. *What is Comic?* London: Fine Line Product.



DR MOHAMED NAZREEN SHAHUL HAMID ialah graduan

pengajian kesusastraan dari Universiti Sains Malaysia (USM). Kini bertugas sebagai pensyarah di Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan pengkhususan dalam bidang Teori dan Kritikan Sastera. Giat melakukan kerja-kerja penyelidikan dan penerbitan meliputi bidang kesusastraan, budaya dan juga media baharu. Penulisannya pernah memenangi Hadiah Sastera Selangor kategori esei bagi tahun 2018, 2019 dan 2020.

CITRA SINGAPURA DALAM LIRIK LAGU ZAMAN 1950-AN

YAZID HUSSEIN



Kepentingan Lagu Dalam Kehidupan Manusia

Manusia ialah golongan makhluk yang kreatif dalam melayari dan mengharungi bahtera kehidupan. Dengan landasan kreativiti yang tidak terhad kepada sempadan masa, tempat, bentuk dan ruang, maka lahirlah pelbagai genre kesenian dalam kehidupannya. Genre kesenian ini boleh dibahagikan kepada seni persembahan dan seni tampak. Dalam hal ini, seni persembahan yang melibatkan genre lagu merupakan penghasilan dan ilham manusia yang boleh dianggap menarik dan unik.

Lagu adalah penting dalam kehidupan manusia. Ibarat santapan atau makanan buat manusia yang dapat memberikannya kekuatan dari segi jiwa dan raga, lagu juga mampu memberi sentuhan dan suntikan mental serta rohani kepada minda dan perasaan sesebuah masyarakat, nusa dan bangsa.

Selain itu, lagu juga dapat membina dan menaikkan semangat ataupun sifat patriotisme seorang anak watan terhadap bangsanya. Bahkan lagu mampu menyalaikan obor kebangkitan mahupun penentangan terhadap sesuatu perkara. Misalnya, kewujudan lagu kebangsaan mampu menyatukan sesuatu bangsa untuk mencintai dan mempertahankan tanah airnya.

Evolusi Lagu

Evolusi lagu bergerak selari dengan perkembangan tamadun manusia. Perubahan yang berlaku pada bentuk dan penjenisan lagu merupakan kesan langsung daripada perkembangan tamadun manusia. Oleh itu genre persembahan ini dapat dikatakan hidup kerana mempunyai ciri-ciri yang dinamik dan berubah-ubah mengikut konteks zaman dan ruang yang diwakilinya.

Kewujudan genre lagu boleh dikatakan berlaku lebih awal daripada genre kesenian jenis lain. Menurut ahli etnomuzikologi, kelahiran sesebuah lagu dikatakan terjadi lebih awal daripada kelahiran jampi mantera dalam ketamadunan manusia.

Awalnya dalam kehidupan manusia, lagu dihasilkan untuk mengiringi upacara ritual ataupun keagamaan kerana mengandungi unsur suci dan mulia serta magis yang amat simbolik. Sehubungan dengan itu, asas lagu bersifat mulia dan suci sebagai pernyataan terhadap alam dan kuasa luar biasa. Kemudian fungsi lagu ini berkembang apabila kehidupan manusia menjadi semakin maju dan canggih.

Peranan lagu kini terus berkembang sehingga mampu merentasi sempadan dan batasan tradisi konvensionalnya. Kini genre lagu dilihat sebagai alat dan wahana pengucapan emosi dan perasaan, jambatan perhubungan sosial, teks kritis tentang perlakuan manusia dalam masyarakatnya, saluran komunikasi pesan dan utusan, pernyataan keadaan latar dan tempat, serta penerus warisan, nilai dan norma.

Citra Singapura Dalam Lagu

Jika irama memberi rasa kepada lagu, lirik pula dapat memberi makna kepadanya. Lirik lagu dapat dikaitkan dengan memori sosial masyarakat. Dalam hal ini, terdapat lirik-lirik lagu Melayu yang ditulis menggunakan citra Singapura sebagai latar. Hal ini banyak dilihat dalam lagu-lagu pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an yang dapat dikaitkan dengan kedudukan, status dan imej Singapura.

Sebenarnya lirik sebegini, iaitu penggunaan dan susunan baris-baris kata yang bersifat khusus dan padat berdasarkan tema dan tajuk lagu yang

ingin dipersembahkan, memenuhi tuntutan konsep realisme¹ dalam sastera, iaitu cerita, keadaan, keperihalan mahupun peristiwa yang digambarkan seperti yang terjadi sehari-hari atau dapat dilihat benar-benar berlaku.

Maklumat dan keterangan yang ditonjolkan dalam lirik lagu menggambarkan dan menceritakan keadaan, keperihalan mahupun peristiwa dengan penuh ketepatan atau yang hampir nyata. Berdasarkan pemilihan, penelitian dan pengkajian terhadap koleksi lagu Melayu sekitar tahun 1950-an, didapati ada beberapa lagu yang menyentuh, menggambarkan dan menceritakan citra Singapura.

Citra yang berkisar pada keadaan masyarakat, keperihalan latar tempat dan masa, peristiwa kehidupan, pemikiran, falsafah, pensejarahan, kesenian, sosiobudaya, ketamadunan, sosioekonomi dan gambaran masyarakat disampaikan dan diceritakan dengan jelas dan padat.

Dalam lagu ‘Kalau Ke Singapura’ yang dinyanyikan oleh R. Azmi dan diterbitkan pada tahun 1950-an, liriknya mengandungi citra yang menggambarkan Singapura sebagai sebuah pusat keseronokan, hiburan dan “tempat bersuka” yang terkemuka dan termasyhur di rantau ini. Ramai yang datang berduyun-duyun melawatinya hampir sepanjang hari. Yang mengunjungi pula bukan hanya penduduk setempat malah para pelancong dari merata negara, khususnya dari Eropah dan Amerika. Bagi membuktikan kebenaran akan kewujudan pusat keseronokan, hiburan dan “tempat bersuka” yang terkemuka dan termasyhur di Singapura, lagu ini menampilkan tiga taman hiburan kelas dunia yang menjadi ikon penduduk setempat dan pelancong, iaitu;

*di Happy World, New World,
di Great World tempat bersuka*

(Lirik dipetik daripada lagu ‘Kalau Ke Singapura’ nyanyian R. Azmi.)

Ketiga-tiga taman hiburan Happy World atau Gay World, New World dan Great World ini telah dibuka pada tahun-tahun 1936, 1923 dan 1930-an. Kewujudan ketiga-tiga pusat hiburan ala *funfair* ini adalah untuk menyediakan ruang hiburan dan tempat berlibur bagi masyarakat setempat dan para pelancong.

Ketiga-tiga pusat hiburan ini wujud sebelum kemunculan televisyen. Happy World, New World dan Great World boleh dikunjungi sesiapa sahaja, sama ada pasangan kekasih, keluarga, kumpulan sahabat mahupun individu. Hal ini kerana ketiga-tiga pusat hiburan ini selain memaparkan pementasan bangsawan dan opera, wayang gambar, perlawanan sukan (gusti dan tinju), pertunjukan sarkas dan aksi nekad, juga menyediakan “tempatlah minuman” atau *pub*, kelab malam, kelab berdansa dan kabaret sebagai daya tarikan para

pengunjung tempatan dan para kelasi dari luar negara yang berlabuh di markas dan pelabuhan Singapura. Dalam hal ini, dengan jelas disampaikan kewujudan tempat-tempat ini dalam sambungan lirik lagunya.

*joget moden tempat berdansa
semuanya sudah tersedia*

(Lirik dipetik daripada lagu ‘Kalau Ke Singapura’ nyanyian R. Azmi.)

Walaupun tidak dinyatakan secara langsung, baris ‘*joget moden tempat berdansa*’ dalam lirik lagu ‘Kalau Ke Singapura’ sebenarnya merujuk kepada kewujudan sebuah kabaret yang terkenal dalam kalangan para pengunjung tempatan dan juga para pelancong. Kabaret yang terletak di kawasan New World yang dimaksudkan ialah Bunga Tanjong. Kabaret ini dikatakan mampu menarik hampir 500 pengunjung pada malam-malam tertentu seperti hujung minggu dan cuti umum.

Kabaret ini merupakan sebuah pusat hiburan dan tempat berdansa yang ikonik dan popular di Singapura

ketika itu sehingga namanya diabadikan dalam skrip drama yang ditulis oleh Hamed Ismail, dan ditayangkan dalam rancangan telemovie Mediacorp Suria pada tahun 2016. Malah Hamed Ismail telah mengadaptasikan skrip drama *Bunga Tanjong* ke bentuk novel pada tahun 2016.

Manakala Julia dalam lagunya ‘Di Singapura’ juga menyentuh citra Singapura sebagai sebuah pusat hiburan dan keseronokan yang popular untuk masyarakat tempatan dan pelancong. Hakikatnya lagu ini menjelaskan bahawa pusat-pusat hiburan ini sering menjadi tumpuan dan dibanjiri golongan ‘*pemuda pemudi*’. Dalam kalangan mereka merupakan pasangan-pasangan kekasih.

Yang menarik tentang lirik ini ialah penulisnya menggunakan lirik lagu sebagai kritikan terhadap perlakuan manusia dalam masyarakatnya. Penulisnya tidak gentar atau berselindung dalam menceritakan perlakuan pasangan-pasangan kekasih yang dianggap sumbang dan keterlaluan.



*pemuda pemudi bergandingan
menunjuk aksi berpegang tangan
sambil masuk tempatlah minuman
puaskan hati sampai ke malaman*

(Lirik dipetik daripada lagu ‘Di Singapura’ nyanyian Julia.)

Berdasarkan penghayatan dan kajian terhadap rangkap lirik lagu ‘Di Singapura’ di atas, lirik ini jelas membicarakan penularan gaya hidup berfoya-foya. Sehubungan itu, penulis lirik telah mengemukakan perlakuan ‘pemuda pemudi’ Singapura yang ‘berpegang tangan’ tanpa segan silu, dan kemudiannya ‘sambil masuk tempatlah minuman’, yang dapat dirujuk sebagai bar, pub, kelab malam mahupun kabaret. Baris ‘puaskan hati sampai ke malaman’ dapat diandaikan bahawa ‘pemuda pemudi’ ini berseronok berdansa sehingga lewat malam sampai puas sambil menikmati minuman yang memabukkan.

Hakikatnya, lagu ini menerangkan bahawa golongan muda sudah terjerat dengan gaya hidup berfoya-foya yang mendambakan kebebasan.

Apabila meneliti keseluruhan lirik lagu ‘Di Singapura’, seseorang dapat merumuskan bahawa lagu ini mengisahkan suasana malam yang hidup, gemilang dan meriah di bandar raya Singapura pada tahun 1950-an. Para pengunjung mempunyai latar belakang yang berbeza daripada pelbagai bangsa seperti orang Eropah, Cina, Melayu, India, Arab, Serani, Sikh dan sebagainya.

Lagu ini menerangkan bahawa para pengunjung datang untuk bergembira dan menikmati suasana malam di bandar raya Singapura yang diterangi dengan lampu-lampu. Rata-ratanya, mereka yang datang akan berpakaian kemas dan cantik serta bergaya. Ada yang datang dengan keluarga, ada juga

yang datang berpasangan. Mereka bersiar-siar di kawasan jalan raya yang terang dan penuh dengan pelbagai aktiviti.

Keadaan pada waktu malam begitu sibuk dan sesak dengan lautan manusia dan kenderaan. Secara khusus pula, lagu ini menyentuh golongan muda Singapura, iaitu ‘pemuda pemudi’ Singapura yang membanjiri kawasan bandar, terutamanya pada hujung minggu. Namun gambaran atau citra golongan ‘pemuda pemudi’ ini bukan sesuatu yang positif atau patut dicontohi.

Dalam lagu ‘Di Singapura’, ‘pemuda pemudi’ Singapura yang datang digambarkan sebagai golongan yang sudah terbuka minda mereka. Mereka sudah mendakap arus kemodenan yang membawa masuk gaya hidup ala kebaratan. Kebanyakan ‘pemuda pemudi’ yang datang ini secara berpasangan, iaitu pemuda datang dengan temanitanya. Begitu juga golongan pemudi, yang datang dengan teman lelakinya.

Pasangan-pasangan ini tidak lagi segan mahupun malu untuk berpimpin tangan mahupun berpelukan. Kemudian mereka ke tempat-tempat minuman, iaitu tempat-tempat seperti bar, kelab malam, tempat hiburan dan keseronokan, kabaret dan sebagainya. Malah semasa berada di tempat-tempat ini, mereka secara terbuka meneguk minuman-minuman yang beralkohol sambil berdansa hingga larut malam.

*banyak orang sudahlah tergoda
kerana moden pun sudah tiba
mengikut hati iman di dada
hampir terlupa di rumah tangga
o singapura
o singapura raya*

(Lirik dipetik daripada lagu ‘Di Singapura’ nyanyian Julia.)

Dalam hal ini, apa sahaja karya yang mendukung peranan komentar sosial haruslah disampaikan secara berani, terang dan jujur. Sehubungan itu sebagai komentar sosial dan kritikan perlakukan masyarakat, ada lagu-lagu yang secara langsung menyentuh perilaku masyarakat dan ‘dosa Singapura’, khususnya golongan ‘pemuda pemudi’ yang dianggap bertentangan dengan nilai dan pegangan moral. Citra ini dapat dilihat dalam lagu-lagu ‘Di Singapura’ oleh Julia, ‘Cermin Singapura’ oleh Lena, ‘Nona Singapura’ oleh R. Azmi dan ‘Pemuda Singapura’ oleh R. Azmi. Lagu ‘Cermin Singapura’, misalnya, menganggap Singapura sebagai “tempat pelesiran manusia” sehingga penduduknya “menjadi hamba gembira”. Malah tanpa berselindung, lirik lagu ini menceritakan perihal perbuatan dua sejoli atau pasangan yang berlaku sumbang di depan khalayak ramai tanpa segan dan silu.

*petang hari mari kita round tepi laut
apa kita lihat nun di tepi sudut
dua sejoli sambil menggoyang-goyang
lutut*

tangan peluk rapat mulutnya bertaut

(Lirik dipetik daripada lagu ‘Cermin Singapura’ nyanyian Lena.)

Walaupun lirik ini menunjukkan keindahan gaya bahasa, namun penyusunan dan penggunaan kata-kata bukanlah sengaja dibuat-buat agar semua rima akhir mempunyai bunyi ‘ut’. Sebaliknya pengubahan dan penyusunan kata adalah berdasarkan realiti dan kebenaran, iaitu sesuatu peristiwa yang sedang berlaku. Unsur kebenaran dalam komentar sosial yang ada dalam lirik lagu menjadikan lagu itu lebih bermakna dan signifikan.

Malah ada lagu-lagu ini menjadi ‘hits’, dinyanyikan oleh masyarakat di samping menjadi bahan siulan. Ada

pula yang disinonimkan dengan zaman tersebut. Lagu itu menjadi ikonik kerana dikatakan dapat mewakili zamannya.

Namun tidak semua lagu yang mengandungi komentar sosial diterima oleh anggota masyarakat. Reaksi negatif pendengar begitu ketara apabila lagu 'Nona Singapura' yang dinyanyikan oleh R. Azmi mula berkumandang di udara pada tahun 1955.

Beliau dikatakan dikritik dan dimarahi habis-habisan dalam majalah-majalah tempatan oleh kebanyakan wanita Singapura yang menganggapnya bersikap berat sebelah dengan menyifatkan mereka seperti 'itik pulang petang'.

macam itik pulang petang dia jalan
melenggang

bibirnya merah bak delima merekah
kain tinggi sebelah betisnya membayang
itu dia nona singapura
itu dia nona singapura

bajunya jarang hai ketat di pinggang
bunga di depan bunga di belakang
pinggang ramping diikat keras-keras
sampai susah bernafas
pinggang ramping diikat keras-keras
sampai susah bernafas

rambut hitam ikal mayang kerinting
palsu
mengerbang pakai sepatu asal dari
kayu
tas tangan pelistik tersangkut dibahu
itu dia nona singapura
itu dia nona singapura

(Lirik dipetik daripada lagu 'Nona Singapura'
nyanyian R. Azmi.)

Dalam sebuah laporan Utusan, pengumpul maklumat bintang-bintang lama, Mohammad Hashim menyatakan bahawa R. Azmi mempertahankan

dirinya dengan menjelaskan bahawa lirik lagu tersebut ditulis hasil pemerhatiannya terhadap gaya, sikap dan ragam kaum wanita ketika bergegas pulang dari kerja pada waktu petang.

Menurutnya lagi, dari bentuk potongan badan, iaitu daripada apa yang mereka pakai dan gunakan, raut wajah, jenis tas tangan, jenama kasut dan bentuk selendang, semua menjadi ilham baginya untuk dijadikan lirik dalam lagu 'Nona Singapura'.

Penutup

Walaupun lirik sesebuah lagu itu ringkas kerana jumlah kata yang terbatas dan dalam bilangan rangkap yang terhad, lirik lagu itu tetap kaya dan padat dengan maklumat dan keterangan yang hendak disampaikan. Lirik lagu boleh menjadi sumber maklumat dan keterangan untuk pengkaji meneliti sosiobudaya, ketamadunan dan sosioekonomi sesebuah masyarakat.



YAZID HUSSEIN

ialah seorang guru bahasa dan sastera Melayu yang aktif dalam persuratan Melayu, pengkhususan dalam bidang penulisan kreatif, eseи dan kritikan.

Beliau ialah seorang penyelidik bebas. Pemenang hadiah pertama Mencari Kristal yang dianjurkan SPH-NAC, Anugerah Persuratan Melayu MBMS, Sayembara Noktah Putih, Sayembara Novel Temasek dan Singapore Literature Prize. Penerima anugerah Tokoh Muda Mas (2007). Telah menghasilkan banyak buku penyelidikan dan kreatif secara persendirian dan berkumpulan.

¹ Satu bentuk penulisan yang merakamkan kehidupan sebenar manusia dengan cara yang tepat. Realisme merujuk kepada aliran sastera yang menekankan pemerian yang tepat dan rinci. Realisme juga merujuk kepada tanggapan yang menolak ciri-ciri romantik seperti kebaikan dan kecantikan, tetapi menegaskan tanggapan itu kepada masalah harian manusia. Aliran realisme mementingkan pengalaman individu yang perlu disampaikan secara terang dan jujur. Realisme juga menegaskan konsep atau gaya tulisan yang bersifat objektif.

BANGSAWAN KITA: MERENUNGKAN PERKEMBANGAN BANGSAWAN DI SINGAPURA

NADIPUTRA



Kenangan Menonton Bangsawan

Pada tahun 1957, semasa di Sekolah Rendah Telok Kurau, saya berkesempatan menonton sebuah persembahan bangsawan di Jalan Ismail (off Jalan Eunos), Singapura. Saya dibawa bapa angkat saya pergi menonton. Masih terngiang-ngiang peristiwa bapa angkat saya mendukung saya pulang setelah selesai menonton kira-kira hampir satu pagi ketika sudah tiada lagi perkhimatian bas.

Mengimbas kembali pementasan bangsawan itu (tidak teringat apa tajuknya) yang dipersembahkan di atas panggung mirip panggung wayang Cina di tanah lapang tepi Jalan Ismail, saya kagum. Ramai yang hadir juga terhibur, sekalipun tiada kecanggihan teknologi membantu persembahan bangsawan ketika itu. Panggung sekadar direntangi kain hijau di kiri, kanan dan belakang pentas sebagai latar belakang atau awan larat. Di sitolah hutan, di sitolah istana dan di sitolah segala-galanya tempat kejadian cerita bangsawan itu. Seingat saya, tidak ada pun nada atau irama bangsawan tertentu daripada lontaran kata bual para pelakonnya.

Mengenang kembali, dengan segala kelengkapan pementasan yang paling dasar – tiada rungutan terhadap kekontangan awan larat pementasan. Kita seolah-olah dihidangkan dengan satu persembahan bangsawan bercorak “kontemporari”. Kalau di istana hanya dua buah kerusi sebagai tanda tempat duduk Raja dan Permaisuri. Tempat duduk pembesar istana pun tiada – kerana mungkin adegan ini tidak memerlukannya. Sebatang ranting pun tidak kelihatan untuk memaparkan sebuah hutan atau taman.

Kita hanya tahu suasana dan tempat kejadian melalui kata bual para pelakon. Perasaan kita hanya disentuh dengan kekuatan lakonan para pelakon dan

iringan lagu latar yang dimainkan oleh beberapa kerat para pemuzik. Rentak gembira, seram, menyayat hati dan mengejutkan, semuanya diiringi oleh gesekan biola, akordion, seruling, rebana dan *double bass*. Lama kelamaan saksofon, trumpet pun digunakan.

Namun ketika itu, yang menonton amat terhibur. Saya turut kagum dengan paparan bangsawan yang sefaham saya kini, tidak ada naskhah tertentu yang digunakan. Saya tak ingat ceritanya, namun rentetan adegan yang dilakonkan menarik, menawan dan menghibur.

Kecerdasan Dalam Improvasi

Pengarah bangsawan ketika itu bijak, cerdas dan luas pengalaman hidup mereka. Hal ini juga berlandaskan kepada pengalaman pengarah bangsawan tersebut yang begitu arif atau para pengusaha bangsawan yang banyak mendampingi kelompok-kelompok pengusaha bangsawan India atau Parsi dan mungkin juga opera-opera barat yang mendahului kemunculan bangsawan di Singapura (mahupun di Asia Tenggara).

Perkara begini menarik perhatian saya. Satu ketika, semasa rakaman siri ‘sandiwara televisyen’, berlaku peristiwa naskhah skrip untuk rakaman belum siap. Namun, dengan kebijaksanaan penerbit dan kecerdasan para pelakonnya yang peka terhadap apa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat ketika itu, penerbit hanya memberi gagasan alur cerita dan pergolakan yang berlaku dalam masyarakat ketika itu.

Setiap pelakon hanya diberi gambaran dan wawasan untuk bertindak sebagai individu yang berdepan dengan persoalan serta tengkarah masyarakat yang sedang bergejolak. Para pelakon hanya diberi panduan sebagai suara-suara rakyat yang berbeza pendapat dan fahaman.

Maka lahirlah satu penceritaan yang menarik, tanpa naskhah, malah dapat menerapkan keluhuran para pelakon terhadap perkembangan dan jatuh bangun masyarakat Singapura ketika itu.

Jadi, tidak mustahil para pelakon bangsawan ketika itu, mahir, peka dan pandai berlagak dengan hanya mengikut landasan cerita yang disarankan, sebagai contoh *Othello* karya Shakespeare diimprovisasikan dalam bentuk bangsawan.

Dorongan Awal Untuk Berteater

Pada tahun 1960-an, sewaktu saya mementaskan purbauara, *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang Gelora dan Panglima Hitam* di Sekolah Menengah Bartley, saya dapat meminjam awan larat istana sultan dan hutan rimba kepunyaan Puan Zainab Simin, tokoh bangsawan sezaman dengan Allahyarham Pak Shariff Medan.

Saya yakin awan larat seperti ini masih ada dalam simpanan Puan Zainab Simin dan anaknya, Puan Rahimah. Saya juga dapat meminjam pakaian-pakaian untuk watak-watak sultan dan permaisuri daripada pelbagai khazanah pakaian bangsawan yang ada dalam simpanan beliau.

Khidmat Puan Zainab yang memberi keizinan penggunaan awan larat dan pakaian bangsawannya kepada para pelajar seperti saya ketika itu, sudah cukup menjadi semacam rangsangan untuk kami bergiat dalam dunia teater di sekolah.

Pada tahun 1990-an, semasa menjalankan tugas sebagai pegawai kastam di sebuah pementasan bangsawan di kawasan lapang berdekatan Pasar Geylang Serai, saya berpeluang menyaksikan suasana persembahan bangsawan di atas panggung seperti panggung wayang Cina.

Hanya ruang penontonnya tertutup dan terkepung dengan dinding zink. Penonton perlu membeli tiket untuk menonton. Di pintu masuk ke kawasan penonton terdapat satu pondok kecil menjual tiket.

Selain penggunaan awan larat, ada juga pemain biola, akordion, *double bass* dan rebana. Acara selingan atau *extra turn* turut disisipkan sebagai pengisi waktu semasa pertukaran latar antara babak adegan.

Bangsawan Di Udara

Sejak tahun 1954, Radio Singapura rancak menyiarakan rancangan Bangsawan Di Udara saban minggu. Cerita-cerita seperti *Dandan Setia* dan *Indera Bangsawan* menjadi tumpuan pendengar yang belum terdedah kepada televisyen.

Rancangan ini sangat masyhur di radio dan menggunakan lagu pengenalan bangsawan pertamanya, "The Light Cavalry Overture". Lagu ini juga merupakan lagu pengenalan Tijah Dean Bangsawan, dan sudah sebatas di jiwa masyarakat Melayu hingga ke hari ini. Malah, lagu ini sudah menjadi identiti bangsawan Melayu.

Jelaslah seni bangsawan masih diminati dan mempunyai ramai pengikut. Tijah Dean Bangsawan menjadi teras perkembangan bangsawan melalui corong radio dengan Khairudin sendiri diberi tanggungjawab menulis semua naskhah-naskhah bangsawan radio.

Cebisan pergolakan dunia bangsawan yang saya utarakan ini bukanlah penggalian mutlak sejarah perkembangan bangsawan di Singapura. Saya hanya cuba ingin cerahkan sedikit beban tengkarah yang sering jadi pertikaian dalam melestarikan bangsawan ketika ini.

Isu Ketulenan Bangsawan

Suara-suara lantang pendokong bangsawan yang ingin melihat 'ketulenan' persembahan bangsawan tidak salah. Ia sudah menjadi semacam 'perjuangan' yang disebatikan oleh tokoh bangsawan mutakhir seperti Pak Hamid Ahmad mahupun Pak Shariff Medan. Namun, ia juga tidak boleh dijadikan kayu ukur dan pegangan mutlak ketulenan, keaslian dan milik siapa bangsawan ini.

Dari Parsi ke Pulau Pinang

Merebak pula ke Temasek

Tradisi kemilau dikenang-kenang

Semerbak segala nan terkosek

Peninggalan tapak-tapak tokoh-tokoh bangsawan seperti Aboo Bakar Sidiq Marican, Khairudin (Tyroo), Tijah Dean, Gulam Mydin (Pengarah Wayang Kassim), Edah, Ratna, Rippin, Patma dan Daud, Hj Pokah, Mariam, Zainab Simin, Rahimah Simin, S Kadarisman, Aman Belon, King Godobel, Momo Latif, Shariff Medan, Jaafar Haris, Ahmad Sabri, Abdullah Sani dan ramai lagi, serta kegemilangan The Zanibar Indera Bangsawan Theatrical Company of Singapore atau lebih dikenali sebagai Wayang Kassim yang ditubuhkan pada tahun 1883, Opera Bangsawan Melayu, Wayang Pusi, The Star Opera, Tijah Dean Opera telah menjadi titik tolak tengkarah memartabatkan 'ketulenan' bangsawan dewasa ini, siapakah pemilik bangsawan kita?

Dari opera Tijah Dean

Ke Sri Anggerik Bangsawan

Peri ketara wajah bersalin

Terpateri terlirik usahawan

Menyusur kembali perkembangan bangsawan itu sendiri, pergolakan yang berlaku jelas dipengaruhi keadaan dan tuntutan zaman kini. Oleh kerana bangsawan itu sendiri disifatkan sebagai persembahan seni teater, maka ia telah terkelompok dalam golongan kegiatan berteater yang perlu diselaras dan dilestarikan dengan tuntutan pembangunan dan kemudahan terkini yang membolehkan bangsawan memanfaatkan kecanggihan teknologi sesuatu panggung. Ia harus bangkit daripada kekurangan masa lampau dan berpijak di bumi nyata dalam usaha untuk memperkasakannya.



Bangsawan Kembali Ke Pentas

Apabila Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC) kini Mediacorp, satu ketika dahulu galak mengadakan pementasan bangsawan di Panggung Victoria, ia memberi suntikan luar biasa dalam menangani tata hias, seni binaan, busana, muzik, kesan bunyi dan apa saja yang diperlukan dan dituntut dalam naskhah bangsawan yang ditulis Pak Hamid Ahmad.

Selama tiga malam berturut-turut, Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC) mengadakan pementasan bangsawan di Panggung Victoria. Panggung Victoria yang boleh memuatkan kira-kira sembilan ratus tempat duduk, dipenuhi. Sambutan amat luar biasa, lebih-lebih lagi dengan nama-nama besar dalam dunia hiburan dan bangsawan seperti Sanisah Huri, A. Mahadi, Ahmad Sabri, Jaafar Haris, Mahadi Shor, Zainal Ihim dan ramai lagi ditarik dalam satu persembahan bangsawan yang gah.

Pemasaran diadakan saban hari di televisyen dan radio meningkatkan keghairahan bangsawan yang gilang-gemilang seperti bangsawan *Gunung Sari* atau *Jula Juli Bintang Tujuh*. Pendek kata, inilah zaman yang mana bangsawan diadakan lengkap dengan segala apa yang dituntut oleh sebuah persembahan bangsawan, termasuk acara selingan atau "extra-turn"nya. Kemudian dari situ, bangsawan-bangsawan yang dipentaskan telah dijadikan siri bangsawan televisyen, sekalipun tidak sepanjang rancangan Bangsawan Di Udara yang bertahun-tahun lamanya.

Saya berkesempatan juga melihat bangsawan *Megat Terawis* di Kuala Lumpur. Persembahan ini sungguh lengkap – busananya, peralatannya, awan laratnya, serta irungan lagu latar dan muziknya yang terdiri daripada kurang lebih 12 orang pemain muzik.

Tidak ada kesan pandang atau kesan bunyi yang luar biasa ('magic-magic'), tidak ada jin pun, juga tidak ada pari-pari atau badut. Ia tetap bangsawan – ada nyanyian, ada tarian. Bangsawan *Megat Terawis* berpijak di bumi nyata. Bangsawan dari Deli, yang dapat saya tonton di kaca televisyen juga agak sederhana. Tiada kesan istimewa. Tarian dan nyanyian saja menjadi teras bangsawan yang dipersembahkan.

Polemik Kesahihan Jenaka Bangsawan

Bagai ketandusan dan kegersangan di padang pasir, bangsawan masih juga dihembus deruan angin semangat oleh Sriwana, Perkumpulan Seni dan Bangsawan Seri Anggerik. Dalam kemelut ketandusan ini, Sriwana menimbulkan tengkarah terhadap ketulenan "Jenaka Bangsawan" yang dipelopori Nongchik Gani dan M Saffri A Manaf.

"Tatasusila bangsawan" tetap dijaga dan dihormati. Masyarakat terhibur. Perkembangan dan kebangkitan yang dianggap sihat oleh Sriwana ini berdepan dengan politik tentang kesahihan jenaka bangsawan yang dicap menodai 'keaslian' bangsawan.

Adakah bangsawan "Celorong Celoreng" mencemarkan 'kemurnian' bangsawan? Sriwana juga menggunakan lagu *overture* "Superman" yang dianggap bukan lagu bangsawan – walhal Dean-Tijah Bangsawan telah mendahului zamannya dengan menggunakan "The Light Cavalry Overture" sebagai lagu pengenalan dan pembukaan bangsawan di pentas yang juga dibawanya ke rancangan Radio Singapura, Bangsawan Di Udara. Natijahnya, ia kekal 'ternobat' dengan sendirinya oleh masyarakat bangsawan dan peminat bangsawan radio dan pentas hingga ke hari ini sebagai "lagu bangsawan".

Dari panggung ke Bangsawan Di Udara
dari panggung ke bangsawan televisyen

makin tersanjung ke usahawan
membara

yakin menjunjung kebangsawan
difesyen

Kemelut Bangsawan Raden Mas

Pada awal tahun 2016, bangsawan cuba diperkasa oleh syarikat Sri Mamanda Bangsawan. *Bangsawan Raden Mas* dipersembahkan di Panggung Esplanade.

Sebanyak 1.3 juta dolar direncanakan untuk bangsawan mega ini oleh peniaga suami isteri Restoran Mamanda, Zulkarnine Hafiz dan Masmunah Abdullah. Niat murni untuk memperkaya dan memperkasa seni bangsawan begitu mendalam serta luhur. Mereka nekad berhasrat berkorban sedikit kemampuan untuk melihat bangsawan hidup kembali.

Berbagai-bagi telahan dan 'pencerminan' daripada khalayak marhaen dan cendekiawan teater serta bangsawan mengimbangi kesangsian dan keyakinan. Namun, impian 1.3 juta dolar bangsawan mega Raden Mas terjejas dek pengunduran para pelabur. *Bangsawan Raden Mas* akhirnya berdepan dengan produksi enam ratus ribu dolar, dan masih mampu membahagiakan masyarakat khususnya peminat bangsawan.

Terciptalah satu sejarah memacak mercu tanda kemegahan bangsawan di Panggung Esplanade walau dicabar duri-duri tajam 'profesionalisme' sebuah persembahan seni, yang ingin dibawa ke persada dunia dalam bentuk 'bangsawan Melayu'. Kecemerlangan dan kegemilangannya terjongsong-jongket, terdacing bagi telur di hujung tanduk dek pemerhati seni teater dan bangsawan tanah air.

Cebisan-cebisan imbasan kebangsawan yang menular dari alam Temasek ke Kota Singa, bukan hasrat saya untuk meniti perincian pergolakan sejarah setiap pertubuhan, kumpulan atau syarikat bangsawan yang terdahulu atau masa kini, mahupun tokoh-tokohnya yang sepatutnya dihormati dan dirakam-nobat keunggulan mereka. Wacana ini lebih memusatkan jiwa manusia yang ingin memperkasakan bangsawan Singapura.

Saya tidak sebut memperjuangkan bangsawan, tetapi perkasa, memperkasakan bangsawan. Semangat memperkasakannya berkobar-kobar, sehingga Sri Mamanda Bangsawan Pte Ltd. sanggup berbelanja besar ingin menghapus ungkapan ‘sinis’ bahawa bangsawan Melayu akan terkubur.

Belum pun setahun jagung menapak, ramai juga pelakon sudah menagih habuan secara profesional. Ada yang tidak segan silu menagih dua ratus ribu dolar jika hendak melibatkan beliau dalam pementasan *Bangsawan Raden Mas*, sedangkan beliau hanya dikategorikan dalam lingkungan para pelakon yang dianggarkan tidak lebih daripada tiga puluh lima ribu ringgit Malaysia saja untuk sesebuah pementasan teater.

Syarikat bangsawan ini belum ternobat kewujudannya sebagai syarikat swasta, namun kemelut pembiayaan, harga dan nilai diri sudah lantang dipertikaikan. Soal menjana kemantapan bersama, mendokong usaha murni memperkasakan bangsawan sudah terabai. Mata wang menikam mata wawasan yang cuba mengembalikan maruah seni budaya bangsawan yang konon adalah pusaka dan warisan bangsa.

Cermin Retak Seribu Dihentak Zaman

Besar atau kecilnya persesembahan bangsawan, dan untuk melihat kecemerlangan serta kemegahannya seperti yang ‘disejarahkan’ oleh Perbadanan Penyiaran Singapura (SBC) dulu, tetap besar pendanaannya. Pendanaan yang hanya SBC (kini Mediacorp) mampu menangani. Bila Puan Maureen Lieu tidak lagi menerajui unit drama Melayu SBC, bangsawan hilang terajunya di SBC. Tiada lagi pengusaha niaga seperti Sri Mamanda Bangsawan yang sanggup dan mahu ke depan, berkorban tenaga dan masa serta wang ringgit untuk menebus maruah bangsawan yang sukar diperkasakan. Bagai melepas batuk di tangga saja laungan ingin memartabatkannya kembali digemagemakan.

Cermin kegemilangan bangsawan retak seribu dihentak tuntutan zaman yang meneropong jauh ke masa depan anak bangsa Melayu dengan segala kecanggihan dan keajaiban teknologi ‘tekan hujung jari’. Keris, tombak, lembing, tanjak, samping, wajah silam tidak membawa erti lagi. Bahasa Jiwa Bangsa agaknya sudah tidak memberi ‘sesuap nasi’ Masuri S. N lagi. Mungkin juga sudah tuli atau rabun ‘Melayu’ Tongkat Warant (Usman Awang).

Anak-anak zaman sudah terpegun dengan Star Wars, Matrix, The Hobbit, Lord of The Rings, dengan peperangan di “hujung jari” meriba cakerawala, melupa pentas dunianya yang Shakespeare lukiskan kita sebagai pemain watak-wataknya. Bangsawan juga merupakan setitik saga di khatulistiwa yang dunia terlepas pandang berbanding opera barat “Dido and Aeneas” oleh Henry Purcell, “The Mikado” oleh Arthur Sullivan atau “The Beggar’s Opera” oleh Johann Christoph Perpusch dan John Gay atau Bangsawan Indonesia dan Bangsawan Malaysia.

Persada bangsawan kita masih bercerakau tentang tulen tak tulennya. Bangsawan milik siapa? Haruskah kita terus persoalkan jati dirinya?

Bangsawan

*Pusaka warisan budaya
ada mata melapuk ania
bak ‘kan mati tak bermaya
tak diusaha sedaya upaya*

Bangsawan

*Seni silam aneka pusaka
syair pantun juga seloka
nyanyian tarian bersemuka
tingkah lakonan suka duka*

Bangsawan

*Air di dulang memercik wajah
ditepuk tangan nan menerjah
buta mata sebesarnya gajah
nun kuman sehamu dijelajah*

Bangsawan

*Mengapa kecut usahlah malu
jangan perkecil dihina melulu
jiwa Melayu utamakan dahulu
nusa dan bangsa ‘kan mengalu*

Bangsawan

*Milik bersama untuk dimulia
bukan hak peribadi dikurnia
ganding bahu teroka maya
kita merentas persada dunia*

Bangsawan

*Hak kebangsawan belaka?
Atau milik jiwa berulat saka?
Mana aslinya yang berpuaka?
Renung langit pijak bumi seketika.*

Hasrat Dan Masa Depan

Saya berhasrat ingin menemui semua penghuni bangsawan silam dan kerabatnya yang masih merahsia diri di serata persada tanah bertuah Temasek atau Kota Singa ini, yang menelan kertas-kertas bidaah tentang mereka, agar muncul kembali dalam satu payung cita.

Mereka perlu dilihat kembali. Mereka perlu ditugu dengan tinta emas dan dinobat sehebat seniman-seniwati dunia. Moga artikel ini membuka lembaran sejarah mereka yang terpendam untuk dijadikan catatan khusus milik siapa bangsawan di bumi bertuah ini.

Covid-19 telah mencipta sejarah perkembangan bangsawan kita. Panggung Digital yang diterajui Fadlin S dan Saiful Amri telah melahirkan jenaka bangsawan digital “Ratu Sanggilagula” karya M Saffri Manaf, arahan M Fadlin sendiri. Lanjutan dari itu dengan kerjasama Panggung Digital juga, Anggerik Temasek Bangsawan telah merakamkan bangsawan “Hang Nadim”.

Pada November 2021 kelak, akan semarak satu lagi usaha besar-besaran yang cuba dipertanggungjawabkan oleh Anggerik Temasek Bangsawan (ABT), pimpinan Noor Azhar Mohamed. Berganding dengan Penerbit Kreatif Saiful Amri dari Panggung Digital, Anggerik Temasek Bangsawan dalam rangka memperkasakan bangsawan akan menerajui pula Festival Bangsawan. Beberapa pertubuhan seni dan budaya akan diundang membuat persembahan bangsawan. Seminar, bicara dan ceramah bangsawan melengkapi festival ini, yang dijangka akan menarik perhatian ramai, terutama sekali peminat bangsawan. Festival ini ingin melihat wajah bangsawan Singapura.

Saya amat bersyukur dalam usaha menyediakan wacana ini, saya didampingi seorang sahabat yang

berhubung rapat dengan kerabat bangsawan. Beliau, Zakaria Rasli, ialah antara cucu-cicit pelopor bangsawan di Singapura, yang telah menjadi sumber pencerahan artikel ini. Nenek moyang beliau telah terlibat secara langsung dalam pertumbuhan dan perkembangan bangsawan tanah air.

Bertolak dari sini, saya berasa sangat teruja untuk cuba mengusahakan pembukuan “Bangsawan Kita”. Sumber dan butir-butir penting daripada kerabat Zakaria Rasli amat memberangsangkan untuk dibukukan.



NADIPUTRA atau nama sebenarnya, Almahdi Al-Haj Ibrahim, berkecimpung dalam kegiatan seni dan sastera sejak 1960 dan telah menghasilkan lebih 300 karya teater, radio dan televisyen. Beliau merupakan artis suara latar untuk siri-siri dokumentari serta iklan. Penerima Anugerah Pingat Budaya, Kementerian Pembangunan Masyarakat Singapura pada tahun 1986 (drama) dan juga dikurniakan Anugerah Tun Seri Lanang 2013 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura.





MAJLIS BAHASA